

LAPORAN TAHUNAN



KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2015

1	PERUTUSAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA	7
2	MAKLUMAT KORPORAT	9
	PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN PENGURUSAN JUPEM CARTA ORGANISASI JABATAN VISI, MISI DAN MOTTO OBJEKTIF DAN FUNGSI PIAGAM PELANGGAN KOD ETIKA LOGO LAGU JABATAN	
3	TADBIR URUS KORPORAT	31
	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KURSUS DAN LATIHAN LAMAN WEB JUPEM GEOPORTAL PENERIMA BINTANG KEBESARAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI	
4	LAPORAN PRESTASI	45
	INFRASTRUKTUR GEODETIK <ul style="list-style-type: none">• Ukuran Jaringan dan Kawalan GNSS• MyRTKnet• Ujian Tapak Pillar Kalibrasi EDM/GNSS• Cerapan Air Pasang Surut• Jaringan Ukur Aras• Ukuran Graviti• Astronomi	
	PERSEMPADANAN ANTARABANGSA <ul style="list-style-type: none">• Persempadanan Darat Malaysia-Thailand• Persempadanan Darat Malaysia-Indonesia• Persempadanan Maritim Malaysia-Indonesia• Persempadanan Maritim Malaysia-Singapura• Persempadanan Darat Malaysia-Brunei Darussalam• Projek Pelantar Benua Malaysia	

PERSEMPADANAN NEGERI

SAKSI PAKAR KES-KES DI MAHKAMAH

PENERBITAN PETA

- Penawanan Data
- Pangkalan Data
- Pengemaskinian Peta Topografi
- Kartografi
- Percetakan
- Pemetaan Utiliti
- Perkhidmatan Pemetaan

UKURAN KADASTER

- Ukuran Hak Milik Tanah
- Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen (JTB)
- Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat I
- Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat II
- Penandaan Titik Kawalan CRM
- *National Digital Cadastral Database (NDCDB)*

BAHAGIAN GEOSPATIAL PERTAHANAN

- Penerbitan Data dan Peta Kegunaan Pertahanan dan Keselamatan
- Perkhidmatan Geospatial Pertahanan
- Perkhidmatan Web
- Bantuan Khidmat Geospatial Pertahanan di Medan

5	LAPORAN KEWANGAN	97
	<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Kewangan• Belanja Mengurus• Belanja Pembangunan• Hasil	
6	ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN	105
7	IMBASAN PERISTIWA UTAMA	111
8	DIREKTORI JABATAN	123

Media Highlights

Inauguration session



GE SMART ASIA 2015 is a platform for the Asia-Pacific region to showcase its smart infrastructure and digital economy. The event is organized by the Singapore Economic Development Corporation (EDC) and the Singapore Smart Infrastructure Council (SSIC).

Cabaran kerjaya juru ukur



MEMILIKI BILANGAN JAWA yang semakin meningkat, juru ukur di negara ini menghadapi cabaran kerjaya yang semakin meningkat. Cabaran ini termasuk dengan persaingan yang semakin ketat dan tuntutan yang semakin tinggi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Pesawat tanpa juruterbang RM4j

Jupem akan guna pesawat itu untuk ambil gambar bagi mengemaskini peta, jimat kos sewaan

NORHASPIA YATIM

KUALA TERENGGANU - Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) membeli pesawat tanpa juruterbang bagi menjalankan projek Sistem Penawaran Data Geospasial di negara ini tahun ini.

Ketua Pegawai Operasi, Ahmad Fauzi Nordin berkata, pesawat ini secara langsung dipaparkan memajukan kos, katanya.

Ahmad Fauzi berkata, pertukaran dan sistem yang baharu akan dibayar kira-kira RM4 juta dan pihak Jupem akan mengahiri gambar keadaan muka bumi terkini di negara ini yang setinggi beratus-batus kilometer persegi.

Pemetaan sempadan Malaysia/Thailand selesai

12 NOVEMBER 2015

Projek MAGIC jamin kedaulatan negara terhadap pulau di Malaysia



Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamzah Samuri (dua, kiri) bertanyakan sesuatu pagar sempadan yang memisahkan Malaysia dan Thailand ketika meninjau Projek Pemetaan dan Pemetaan Sempadan Malaysia-Thailand berhampiran pintu masuk ke Thailand melalui Padang Besar hari ini - P. Idris/Utusan

PADANG BESAR - Malaysia dan Thailand pada dasarnya telah mencapai persefahaman mengenai sen kedua-dua negara kecuali satu kawasan sepanjang 4.5 kilometer di Bukit Jell, Tanah Merah, Kelantan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamzah Samuri berkata satu perjanjian persefahaman (MOU) mengenai keputusan pemetaan sempadan yang dijalankan bersama oleh kedua-dua negara saja telah ditandatangani.

JUPERM
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
Institution of Surveyors and Cartographers of Malaysia

"Penerus Kecekapan Rakyat dan Pembangunan Negara"
"The Catalyst For National Development and Citizen's Prosperity"

KUALA LUMPUR - Projek Matrik Geospatial Infrastructure in Malaysian Water (MAGIC) yang dibawakan sejak 2013 berjaya membantu pemetaan wilayah dan pemetaan zon alam semesta negara selain mengahiri beliau persefahaman kawasan.

Ketua Pegawai Operasi, Ahmad Fauzi Nordin berkata projek MAGIC pernah berjaya mengahiri negara-negara lain seperti di luar negeri termasuk Taiwan dan beberapa negara di kawasan berhampiran sempadan negara jiran.

MAGIC dengan kos RM4 juta membina pemetaan seperti monumen sebagai tanda kawasan hak milik negara serta sistem data geospasial. "Continuously Operating Reference Station" (CORS) yang bersempadan mengahiri data geospasial untuk tujuan pemetaan.

40 tahun jaga jam loceng
Mati bersempadan: mengahiri matrik geospasial negara



Mesin ukur yang digunakan dalam projek ini adalah jenis yang sangat canggih dan moden.

Event Highlights



“INTEGRITI BUKAN SEKADAR BERMAKSUD MENGHINDARI DARI PERLAKUAN RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA YANG MELIBATKAN WANG RINGGIT. INTEGRITI JUGA PERLU DITERJEMAHKAN DALAM PENGURUSAN MASA, DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK, DALAM MENYAMPAIKAN MAKLUMAT SERTA INTEGRITI DALAM KOMUNIKASI DENGAN KETUA JABATAN, RAKAN SEKERJA DAN PELANGGAN.”



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera and Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan JUPEM bagi tahun 2015 ini seperti yang telah dirancang. Laporan tahunan ini merangkumi dokumentasi yang memperincikan pencapaian JUPEM sepanjang tahun 2015 untuk rujukan warga JUPEM dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan dan operasi Jabatan sepanjang tahun 2015 telah berjalan dengan jayanya sejajar dengan visi untuk menjadikan JUPEM terbilang dalam perkhidmatan ukur dan pemetaan serta pengurusan dan penyebaran data geospasial bagi memenuhi keperluan negara. Walaupun begitu, tidak dinafikan, tahun 2015 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi kita semua. Tahun tersebut merupakan tahun terakhir pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan juga tahun persediaan bagi permulaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Namun, ianya bukanlah penghalang untuk JUPEM terus melakar pencapaian dan kejayaan samada di peringkat kementerian, kebangsaan malah di peringkat antarabangsa. Ini dibuktikan dengan pencapaian JUPEM mengekalkan Juara Keseluruhan Anugerah Hari Inovasi INRE 2015, johan peringkat kebangsaan bagi Amalan Terbaik AKRAB dan anugerah *Special Achievement in GIS (SAG Awards)* oleh ESRI USA. Semoga kejayaan-kejayaan ini menjadi inspirasi dan iltizam untuk warga JUPEM meneruskan kegemilangan seterusnya untuk tahun-tahun mendatang.

Seperti sedia maklum, JUPEM merupakan *National Mapping Agency* yang bertanggungjawab dalam penyediaan maklumat geospasial yang tepat, terkini serta memenuhi kehendak pelanggan. Untuk tujuan tersebut, JUPEM perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi terkini bagi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin bijak terhadap kepelbagaian produk dan perkhidmatan berasaskan maklumat geospasial yang tersedia. Bagi mencapai hasrat ini, JUPEM perlu mengorak langkah dengan meneruskan strategi sedia ada, di samping melaksanakan beberapa pendekatan baru melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan RMKe-11. Selain daripada itu, Jabatan turut melaksanakan inisiatif kaedah perkongsian pintar dengan agensi-agensi kerajaan/swasta yang berkaitan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan bagi memaksimumkan penggunaan sumber data geospasial sedia ada dengan pengguna-pengguna di luar Jabatan.

Saya berharap setiap warga kerja JUPEM akan terus memberi kerjasama dan berusaha dengan lebih gigih serta menunjukkan komitmen, disiplin dan integriti yang tinggi selain mewujudkan pelbagai inovasi dalam *core business* JUPEM. Jadikanlah jendela tahun yang mendatang ini sebagai pemangkin kepada kita untuk meneruskan kejayaan dan kecemerlangan bagi memacu JUPEM terus maju ke hadapan. Ayuh kita bersama membuktikan JUPEM adalah sebuah agensi kerajaan yang relevan dan disegani di peringkat nasional dan antarabangsa.

Akhir kata, dengan penuh takzim, sekali lagi saya melahirkan rasa gembira dan syukur ke hadrat Allah SWT di atas segala kejayaan dan pencapaian kita sepanjang tahun 2015. Saya juga menyeru semua warga JUPEM agar dapat meneruskan kecemerlangan dengan semangat yang kental menghadapi segala rintangan pada tahun 2016 ini. Semoga Allah SWT mempermudah segala urusan dan tanggungjawab kita serta memberkati di atas usaha murni kita untuk masa depan JUPEM.

"Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain" (Hadith riwayat Ath-Thabrani)

Sekian, terima kasih.



DATUK PROF. SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN,
PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN

MAKLUMAT KORPORAT



PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN



- 1** **DATUK PROF. SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN**
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
- 2** **DATO' SR HASAN BIN JAMIL**
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
- 3** **DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA**
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II



1

3

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI



**YBHG. DATUK PROF. SR AHMAD FAUZI
BIN NORDIN,
PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia**

YBhg. Datuk Prof. Sr Ahmad Fauzi bin Nordin telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia pada 10 April 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sains (Geoinformatik) dari Universiti Teknologi Malaysia, *Postgraduate Diploma in Geographical Information System (GIS)* daripada ITC, Netherlands dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau pernah bertugas sebagai Juruukur Daerah Kuala Kangsar, Penolong Pengarah Ukur Topografi (Wilayah Utara), Timbalan Pengarah Ukur Kedah/Perlis, Penolong Pengarah Ukur Kadaster (Rancangan Tanah), Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas) Pahang, Timbalan Pengarah Ukur Perak, Pengarah Ukur Topografi Sarawak, Timbalan Pengarah Ukur I Topografi Semenanjung, Pengarah Ukur W.P. Kuala Lumpur, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Hak Milik), Pengarah Ukur Selangor, Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik), Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) dan sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) sebelum memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I pada 17 Jun 2009. Pada 10 April 2014 beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Beliau juga adalah Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM), Presiden RISM bagi sesi 2011/2012, Pengerusi *Malaysian Building Industry Presidents Council (BIPC)* bagi sesi 2011/2012, Pengerusi Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.

**YBHG. DATO' SR HASAN BIN JAMIL,
DIMP, JMW, AMN**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

YBhg. Dato' Sr Hasan bin Jamil telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I pada 10 April 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana *Geographical Information System (GIS)* dari University of Edinburgh, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau pernah bertugas sebagai Juruukur di Jabatan Ukur Terengganu, Penolong Pengarah Ukur Kelantan, Juruukur Daerah Kelantan Selatan Machang, Penolong Pengarah Ukur Topografi Sabah, Pengarah Ukur Topografi Sabah, Penolong Pengarah Ukur Kadaster, Pengarah Ukur Pulau Pinang, Pengarah Ukur Selangor, Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik), Pengarah Ukur Seksyen (Ehwal Persempadanan), Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Kuala Lumpur / Putrajaya dan Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan). Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II pada 16 November 2010 sebelum memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I.

Beliau juga adalah Presiden Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) bagi sesi 2014/2015, Timbalan Pengerusi Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.





YBHG. DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA, DIMP, SMP

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

YBhg. Dato' Sr Mohd Noor bin Isa telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II pada 6 Mei 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia dan pernah bertugas sebagai Juruukur Latihan (Jabatan Ukur Perak), Juruukur Daerah Perak Utara, Penolong Pengarah Ukur Pahang, Juruukur Daerah Pahang Barat, Juruukur (Urus setia Unit Khas), Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Pembangunan), Ketua Penolong Pengarah Ukur (Latihan) dan Ketua Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Pembangunan).

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Ukur (Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan), Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, Pengarah Ukur Topografi Sabah dan seterusnya Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan).

Beliau juga adalah Pengerusi Bahagian Geomatik dan Ukur Tanah (GLS), Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) bagi sesi 2014/2015 dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah

KUMPULAN PENGURUSAN JUPEM



1

2

3

4

- BRIGEDIER JENERAL HAJI AHMAD NASIR**
BIN HAJI ABD RAHMAN
(Mulai 18 Februari 2015)
BRIGEDIER JENERAL HAJI ABU SUFIAN
BIN HAJI AHMAD
(Sehingga 17 Februari 2015)
Pengarah Bahagian (Geospatial Pertahanan)
- NIK YUSAIMI BIN YUSSOF**
(Mulai 23 April 2015)
HAJI ABDUL HAMID BIN HASAN
(Sehingga 22 April 2015)
Pengarah Bahagian (Khidmat Pengurusan)
- ZARIFAH BINTI ZULGHAFAR**
Penasihat Undang-Undang
- TRIVEINEI A/P SUNDARAM**
Ketua Unit Integriti



SR TAN AH BAH
Pengarah Ukur Bahagian
(Ehwal Persempadanan)

**SR HAJI MOHAMAD KAMALI
BIN ADIMIN**
Pengarah Ukur Bahagian
(Dasar dan Penyelarasan Pemetaan)

SR DR. AZHARI BIN MOHAMED
Pengarah Ukur Bahagian
(Ukur Geodetik)



SR DR. TENG CHEE HUA
Pengarah Ukur Bahagian
(Kadaster)

**YBHG. DATO' SR HAJI MOHAMMAD YUNUS BIN
MD YUSOF**
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pahang

SR AHAMAD BIN ZAKARIA
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Selangor



SR JOHN ELVIS KOH
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Perak

SR NG ENG GUAN
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Kedah

SR HAJI RAMLI BIN NOR
(Mulai 22 Jun 2015)
SR HAJI ALI BIN AHMAD
(Sehingga 21 Jun 2015)
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Johor



SR MOHD LATIF BIN ZAINAL
(Mulai 1 Disember 2015)
YBHG. DATO' SR ABDUL AZIZ BIN HAJI JANTAN
(Sehingga 30 November 2015)
Pengarah Ukur Bahagian
(Pemetaan Topografi Semenanjung)



**SR WAN MOHAMAD DARANI BIN AB.
RAHMAN**
(Mulai 29 Jun 2015)
SR HAJI RAMLI BIN NOR
(Sehingga 21 Jun 2015)
Pengarah Ukur Bahagian
(Perancangan dan Korporat)



SR DR. MOHD YUNUS BIN MOHD YUSOFF
Pengarah Ukur Bahagian
(Pemetaan Utiliti)



HAJI ZAHARI BIN ZAMLOPE
(Mulai 1 Disember 2015)
SR MOHD LATIF BIN ZAINAL
(Sehingga 30 November 2015)
Pengarah Ukur Bahagian
(Pangkalan Data Geospasial Negara)

RAHIM BIN HAJI MOHAMAD SALEH
(Mulai 1 Disember 2015)
HAJI ZAHARI BIN ZAMLOPE
(Sehingga 30 November 2015)
Pengarah Ukur Bahagian
(Pemetaan Topografi Sarawak)

**SR MOHAMMAD ZAKI BIN
MOHD GHAZALI**
Pengarah Ukur Bahagian
(Pemetaan Topografi Sabah)



MD. ZAKI BIN AD. WAHID
Pengarah Ukur dan Pemetaan
W. P. Kuala Lumpur/Putrajaya

SR ZOHER BIN NORMANBHOY
(Mulai 29 Jun 2015)
SR WAN MOHAMAD DARANI BIN AB. RAHMAN
(Sehingga 28 Jun 2015)
Pengarah Ukur Bahagian
(Kartografi dan GIS)

SR JASNI BIN A. RAHMAN
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Negeri Sembilan



SR HAMDAN BIN AB. AZIZ
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Terengganu

SR WAN ZAINUDDIN BIN WAN YUSUFF
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Kelantan

SR AHMAD AZMAN BIN GHAZALI
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pulau Pinang



AHMAD TARMIZI BIN BASTANI
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Melaka



SR HAJI CHE SULAIMAN BIN MAT YUNUS
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Perlis




SHAFFRI BIN BAUDI
(Mulai 1 Disember 2015)
SUHAIMI BIN AHMAD
(Sehingga 30 November 2015)
Pengarah Ukur dan Pemetaan
W. P. Labuan

CARTA ORGANISASI JABATAN



TIMBALAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN I

PENASIHAT UNDANG-UNDANG





KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

UNIT INTEGRITI



TIMBALAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN II

BAHAGIAN GEOSPATIAL PERTAHANAN



Nota:JUPEM mempunyai jawatan Kader di Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kerja Raya, Pusat Infastruktur Data Geospacial Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Institut Tanah dan Ukur Negara, Majlis Keselamatan Negara, Suruhanjaya Pilihanraya, Kementerian Pertahanan Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Agensi Remote Sensing Malaysia, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Jabatan Laut Sarawak, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian serta Jabatan Pengairan dan Saliran.

Visi

Menjadikan JUPEM terbilang dalam perkhidmatan dan pengurusan ukur, pemetaan dan geospasial bagi memenuhi wawasan negara.

Motto

Pemacu Kesejahteraan Rakyat dan Pembangunan Negara.

Misi

Menyediakan perkhidmatan dan pengurusan ukur, pemetaan dan geospasial yang berkualiti melalui sistem terbaik, sumber manusia yang kompeten dan persekitaran kerja yang kondusif.

Objektif

- Memastikan produk dan perkhidmatan ukur kadaster, pemetaan dan geodetik menepati sistem kualiti serta memenuhi keperluan pelanggan.
- Memastikan pewujudan dan penyelenggaraan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pemetaan yang kemaskini dan berkualiti bagi memenuhi keperluan infrastruktur data geospasial negara.
- Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster, pemetaan, geodetik, pemetaan utiliti bawah tanah dan maklumat geospasial.
- Memastikan penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan negeri dan antarabangsa memenuhi keperluan pentadbiran negeri serta menjamin kedaulatan negara.
- Memastikan perkhidmatan geospasial pertahanan yang berkualiti dan bersepadu dalam mendokong infrastruktur pertahanan dan keselamatan negara.

Fungsi

- Menasihati kerajaan dalam bidang ukur kadaster, pemetaan dan geospasial serta persempadanan negeri dan antarabangsa.
- Menyediakan maklumat ukur kadaster secara lengkap dan kekal untuk tujuan pengeluaran hakmilik tanah, strata dan statum.
- Menguruskan pangkalan data ukur kadaster dan pemetaan dengan efisien.
- Menerbitkan peta-peta topografi, kadaster, tematik dan utiliti bawah tanah untuk tujuan perancangan, pengurusan sumber asli, pemuliharaan alam sekitar, pembangunan, pemantauan dan keselamatan.
- Menyediakan infrastruktur geodetik bagi ukuran kadaster, pemetaan, kejuruteraan dan kajian saintifik.
- Menyediakan khidmat geospasial pertahanan secara menyeluruh dan bersepadu untuk tujuan pertahanan dan keselamatan.
- Menerbitkan produk falak dan astronomi termasuk jadual-jadual arah kiblat, waktu solat, data rukyah hilal, takwim hijriah dan maklumat gerhana serta almanak falak syarie.


Piagam Pelanggan

- Menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui dalam tempoh tidak melebihi 60 hari dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur yang lengkap dan teratur.
- Memastikan penyemakan ke atas kerja-kerja Juruukur Tanah Berlesen (JTB) disiapkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh penyerahan dokumen yang lengkap dan teratur.
- Memproses Pelan Strata dalam tempoh 30 hari dan Pelan Akui Strata dalam tempoh 50 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan teratur.
- Memastikan pengeluaran nombor-nombor lot dilakukan dalam tempoh tidak melebihi 7 hari dari tarikh permohonan yang lengkap dan teratur daripada Juruukur Tanah Berlesen.
- Menyedia serta membekalkan data-data ukur untuk penyediaan suratan hakmilik ke Pejabat Tanah / Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dalam tempoh 7 hari dari penerimaan permohonan yang sempurna dan teratur.
- Memastikan dokumen geospasial terperinci dibekalkan dalam masa 2 hari selepas menerima kelulusan tapisan keselamatan.
- Memastikan data pasca proses MyRTKnet dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 4 jam.
- Memastikan sebarang permohonan pembelian maklumat geodetik tidak terhad dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 1 hari.
- Memastikan sebarang permohonan perkhidmatan transformasi koordinat, penukaran koordinat, unjuran peta dan interpolasi geoid dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 1 hari.
- Memastikan sebarang permohonan perkhidmatan / pembelian bagi setiap salinan data ukur / peta tidak terhad di kaunter JUPEM dapat diuruskan dalam masa 1 jam.
- Memastikan data-data ukur dapat diakses dan diperolehi melalui e-commerce pada bila-bila masa.
- Membuat pembayaran bil dan invoice tidak melebihi 14 hari dari tarikh penerimaan lengkap diterima.



kod ETIKA

- Amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.
- Sentiasa sabar, tenang dan cekal dalam semua situasi.
- Benar, tulus dan ikhlas dalam menjalankan sebarang urusan.
- Berdisiplin dan berhemah tinggi.
- Yakin, tepat, adil dan konsisten dalam membuat sebarang keputusan.
- Sentiasa mengamalkan ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti.
- Menjalinkan semangat kerjasama, muhibah dan kasih sayang pada semua peringkat.
- Berbangga menjadi warga JUPEM dan sentiasa berusaha meninggikan martabat dan imej jabatan.
- Memberi perkhidmatan yang efisien dan berkualiti.
- Berusaha memastikan produk-produk jabatan adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan.
- Sentiasa berwaspada dalam pengendalian maklumat tanpa membocori rahsia Negara kepada pihak yang tidak berhak menerimanya.



definisi LOGO

- Reka bentuk logo JUPEM terdiri daripada 3 bentuk asas iaitu titik-titik, bulatan gedang dan garisan orbit. Titik-titik ini terpisah dua oleh garisan orbit mencerminkan dua aktiviti utama JUPEM iaitu aktiviti pengukuran kadaster dan aktiviti pengukuran pemetaan.
- Warna oren melambangkan keceriaan, kegemilangan, kepekaan JUPEM kepada kehendak pelanggan dan menyatakan kewujudan dan kepentingan JUPEM kepada masyarakat dan negara.
- Warna hijau adalah warna rasmi jabatan dan dipilih bagi menunjukkan bahawa JUPEM sentiasa prihatin dan memberi perhatian serius kepada aspek alam semula jadi dalam pemeliharaan persekitaran yang sihat.
- Penampilan titik-titik memberi petunjuk bahawa JUPEM menggunakan teknologi elektronik dan sistem jaring untuk memperkasakan maklumat ukur dan pemetaan.
- Garisan orbit pula menitikberatkan betapa pentingnya komunikasi, penyebaran maklumat dan rangkaian.

Logo JUPEM pada keseluruhannya adalah lebih energetik, dinamik, progresif serta mampu bersaing dalam menghadapi cabaran-cabaran yang bersifat sejagat khususnya dalam penyediaan infrastruktur ukur dan pemetaan bagi mendukung Dasar Pembangunan Negara.

LAGU JABATAN

JUPEM MAJU DAN JAYA

Positif Penuh Beretika
Realistik Kita Menuju Satu Wawasan
Perkhidmatan Cepak dan Berkesan
Kecemerlangan Dijanjikan


Kualiti Teras Perkhidmatan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Kemuafakatan Prihatin dan Peka
Itizam Mulia Visi Jaya

Pengukuran dan Pemetaan
Tugas Diamanahkan
Adil Saksama dan Layanan Mesra
Jadi Amalan

JUPEM Warga Penuh Setia
Menabur Bakti Budi dan Jasa
Menyumbang Pembangunan Negara
Terus Berjaya

JUPEM

TADBIR URUS KORPORAT



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perjawatan

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah melaksanakan penstrukturan semula organisasinya berdasarkan kepada 'Zero Based' dan telah diluluskan melalui Waran Perjawatan Bilangan E.128 Tahun 2013 berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2013. Berdasarkan waran tersebut, JUPEM telah diluluskan sejumlah 4996 perjawatan.

Melalui Waran Perjawatan Bil. E.63 Tahun 2014 yang berkuatkuasa mulai 15 Januari 2014, Perbendaharaan Malaysia telah memperakukan perubahan perjawatan secara *Zero-Based* bagi pelaksanaan 27 Pekeliling Perkhidmatan selaras dengan penambahbaikan 81 Skim Perkhidmatan tahun 2013 di JUPEM, NRE. Penambahbaikan skim yang terlibat di JUPEM adalah bagi skim perkhidmatan Penolong Juruukur, Pembantu Kemahiran, Pembantu Awam dan Pembantu Operasi. Bilangan perjawatan yang telah diluluskan melalui Waran tersebut adalah sebanyak 4886 jawatan. Jumlah tersebut berkurangan kepada 4884 jawatan akibat daripada pemansuhan dua (2) jawatan jumud Jawatan Sementara akibat Penambahbaikan Skim (JSPS) berikutan penyandangannya bersara iaitu jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11 (KUP) dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17/N22 (KUP) melalui Waran Perjawatan Bil. E.92 Tahun 2014 yang telah diperakukan oleh Perbendaharaan pada 17 November 2014.

Pada tahun 2015, sebanyak 163 jawatan kosong di JUPEM yang meliputi pelbagai jawatan dan gred telah dimasukkan ke dalam jawatan kumpulan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) berikutan pelaksanaan dasar inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada Jun 2015.

JUPEM telah melaksanakan penstrukturan semula beberapa Bahagian di Ibu Pejabat bagi memperkukuhkan fungsi Jabatan secara khususnya dan Kerajaan secara amnya melalui pindah butiran satu (1) jawatan Juruukur Gred J54, satu (1) jawatan Juruukur Gred J52 dan dua (2) jawatan Juruukur Gred J48 yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada 30 Julai 2015 melalui Waran Perjawatan Bil. E.81 Tahun 2015 berkuatkuasa mulai 1 September 2015. Butiran adalah seperti berikut:

BIL.	JAWATAN / GRED	DARI	KE
1	Juruukur Gred J54	Bahagian Kadaster	Bahagian Ehwat Persempadanan
2	Juruukur Gred J52	Bahagian Ehwat Persempadanan	Bahagian Kadaster
3	Juruukur Gred J48	Bahagian Pangkalan Data Geospasial Negara Dua (2) jawatan Juruukur Gred J52 di BPDGN difleksikan kepada J48 / J52	Bahagian Pemetaan Topografi Semenanjung

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Ibu Pejabat JUPEM telah diluluskan cadangan pengukuhan BKP oleh Perbendaharaan Malaysia pada 25 November 2015 melalui Waran Perjawatan Bil. E.125 Tahun 2015 yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2015 secara kaedah *trade-off* (pemansuhan) sebanyak 22 jawatan. Pengukuhan ini melibatkan penambahan sebanyak 32 jawatan gunasama dengan dua (2) jawatan yang dinaiktaraf ke gred yang lebih tinggi. Bilangan jawatan keseluruhan JUPEM berikutan pengukuhan BKP ini masih mengekalkan jumlah jawatan sebanyak 4884.


Sehingga 31 Disember 2015, JUPEM mempunyai 4884 perjawatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4534 perjawatan telah diisi meliputi Gred Utama, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

KUMPULAN	GRED	LULUS	ISI	KOSONG	BANK
GRED UTAMA	JUSA A, B, C	11	11	0	0
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	54	19	19	0	0
	48-52	72	70	2	0
	41-44	213	208	5	0
KUMPULAN PELAKSANA	17-38	2,204	2,086	113 (*5 jawatan mansuh)	55
	1-16	2,365	2141 (*lebih 1 jawatan)	225	108
	JUMLAH	4884	4535	344 (*5 jawatan mansuh dan 1 jawatan lebih)	163


* Lima (5) jawatan mansuh berikutan penyandang yang berada di jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 Khas Untuk Penyandang (jawatan jumud) telah mengisi jawatan hakiki Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17

** Satu (1) lebih penyandang berikutan satu (1) jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11 yang dinaiktaraf ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14 di Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat JUPEM dimana penisbahan Pengawal Keselamatan berubah daripada 3 KP14 : 23 KP11 kepada 4 KP14 : 22 KP11 melalui Waran Perjawatan Bil. E125/2015 berkuatkuasa mulai 1 Disember 2015

Pecahan Pengisian Jawatan Bagi Tahun 2015




Pecahan Pengisian Jawatan Gred Utama dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional



Gred Utama dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pecahan Pengisian Jawatan Kumpulan Pelaksana



Kumpulan Pelaksana (Gred 1-38)

Perjawatan Kader

JUPEM mempunyai sejumlah 185 perjawatan kader di pelbagai agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Jabatan Kerja Raya (JKR), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Laut Semenanjung Malaysia (JLSM), Jabatan Laut Wilayah Sarawak (JLSWK), Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Kementerian Pertahanan (MINDEF), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Jumlah keseluruhan jawatan kader JUPEM di pelbagai agensi Kerajaan adalah seperti berikut:

BIL.	JABATAN	LULUS	ISI	KOSONG
1	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)	1	1	0
2	Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)	35	31	4 (1 bank)
3	Jabatan Kerja Raya (JKR)	22	20	2
4	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)	29	27	2
5	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	20	20	0
6	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	4	3	1
7	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	1	1	0
8	Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)	38	37	1
9	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)	5	4	1
10	Jabatan Laut Semenanjung Malaysia (JLSM)	2	1	1
11	Jabatan Laut Sarawak (JLSWK)	11	9	2
12	Jabatan Penerbangan Awam (DCA)	2	2	0
13	Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)	10	6	4
14	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	3	3	0
15	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)	1	0	1
16	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)	1	0	1
	JUMLAH	185	165	20 (1BANK)

Pecahan terperinci perjawatan Kader mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

BIL.	KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL/SKIM PERKHIDMATAN	GREd	LULUS	ISI	KOSONG
1	Juruukur	J54	1	1	0
2	Juruukur	J52	3	3	0
3	Juruukur	J48	10	10	0
4	Juruukur	J44	12	12	0
5	Juruukur	J41	25	21	4
6	Jurugeospacial	J44	2	1	1
7	Jurugeospacial	J41/J44	7	7	0
8	Juruukur/Jurugeospacial	J41/J44	4	4	0
JUMLAH			64	59	5

BIL.	KUMPULAN PELAKSANA/SKIM PERKHIDMATAN	GREd	LULUS	ISI	KOSONG
1	Penolong Juruukur	JA38	2	1	1
2	Penolong Juruukur	JA36	9	5	4
3	Penolong Juruukur	JA29/JA36	106	97	9
4	Penolong Juruukur (KUP)	JA29	4	3	1
JUMLAH			121	106	15

Kenaikan Pangkat

Urusan pemangkuan / kenaikan pangkat telah dilakukan sepanjang tahun 2015. Ini melibatkan 360 orang pegawai yang terdiri daripada 10 orang pegawai Kumpulan Gred Utama, 114 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 236 orang pegawai Kumpulan Pelaksana.

Gred Utama dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

SKIM PERKHIDMATAN	KENAIKAN PANGKAT/ PEMANGKUAN KE GREd	KENAIKAN PANGKAT	PEMANGKUAN	JUMLAH
Juruukur Gred Utama B	Gred Utama A	1	0	1
Juruukur Gred Utama C	Gred Utama B	2	0	2
Juruukur Gred J54	Gred Utama C	1	6	7
Juruukur Gred J52	J54	7	2	9
Juruukur Gred J48	J52	23	2	25
Juruukur Gred J44	J48	9	6	15
Juruukur Gred J41	J44	25	40	65
JUMLAH		68	56	124

Kumpulan Pelaksana

SKIM PERKHIDMATAN	KENAIKAN PANGKAT/ PEMANGKUAN KE GRED	KENAIKAN PANGKAT	PEMANGKUAN	JUMLAH
Penolong Juruukur, JA36	JA38	48	0	48
Penolong Juruukur, JA29	JA36	158	0	158
Penolong Juruukur, JA29 (TBBK)	JA36	3	0	3
Penolong Pegawai Tadbir, N27	N32	1	2	3
Pembantu Tadbir (Kewangan), W17	W22	3	0	3
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), N17 (TBBK)	N22	6	0	6
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), N17	N22	2	0	2
Pekerja Awam, R1 (KUP)	R4 (TBBK)	13	0	13
JUMLAH		234	2	236

*TBBK : Time Base Berasaskan Kecemerlangan

*KUP : Khas Untuk Penyandang

Persaraan

Sepanjang tahun 2015, seramai 149 pegawai dan kakitangan daripada pelbagai gred telah bersara yang meliputi bersara paksa, bersara pilihan dan meninggal dunia dalam perkhidmatan. Data keseluruhan persaraan adalah seperti berikut:

Bersara Paksa

BIL.	JAWATAN / GRED	JUMLAH
1	Juruukur Gred Utama C	1
2	Juruukur J54	1
3	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M54	1
4	Juruukur J52	1
5	Juruukur J48	1
6	Jurugeospatial J44	1
7	Juruukur J41	1
8	Penolong Juruukur JA38	3
9	Penolong Juruukur JA36	7
10	Penolong Juruukur JA29	19
11	Pembantu Tadbir (Kewangan), W22	1
12	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N17	1
13	Pembantu Awam H14	2
14	Pembantu Awam H11	26
15	Pembantu Operasi N11	2
16	Pemandu Kenderaan H11	4
	JUMLAH	72

Bersara Pilihan

BIL.	JAWATAN / GRED	JUMLAH
1	Juruukur J52	1
2	Juruukur J48	3
3	Juruukur J44	2
4	Jurugeospasial J44	1
5	Juruukur J41	1
6	Penolong Juruukur JA38	4
7	Penolong Juruukur JA36	4
8	Penolong Juruukur JA29	24
9	Penolong Pegawai Tadbir N32	1
10	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22	2
11	Pembantu Kemahiran H17	2
12	Pembantu Pemuliharaan S17	2
13	Pembantu Awam H11	17
14	Pemandu Kenderaan H11	4
15	Pembantu Operasi N11	1
16	Pengawal Keselamatan KP11	1
	JUMLAH	70

Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	NEGERI / SEKSYEN
1	Zainal Abidin bin Abd Majid	Juruukur J44	JUPEM Perlis
2	Qamaruzzaman bin Sukelan	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29	Bahagian Perancangan dan Korporat
3	Salleh bin Mamat	Penolong Juruukur JA29	JUPEM Kedah
4	Rosfazilah binti Bidin	Penolong Juruukur JA29	Bahagian Kartografi dan GIS
5	Muhamad Asyraf bin Abdu Mokfi	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Bahagian Khidmat Pengurusan
6	Muhamad Shukor bin Abdullah	Pembantu Awam H14	JUPEM Johor
7	Hamid bin Mohd Amin	Pembantu Awam H11	JUPEM Terengganu

Tindakan Tataertib

Pengurusan Tataertib Jabatan merupakan satu tataracara pengendalian bagi mengawal disiplin pegawai dan kakitangan JUPEM yang melibatkan hukuman-hukuman amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan buang kerja. Jabatan sentiasa peka terhadap salah laku yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan dan mengambil tindakan yang sesuai berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tataertib) 1993.

Pada tahun 2015, sebanyak 14 kes tindakan tataertib telah dilaporkan dan sebanyak sembilan kes telah dapat diselesaikan. Sementara itu, terdapat lima kes yang masih dalam tindakan iaitu empat kes di bawah Lembaga Tataertib Kumpulan Sokongan (No. 2) dan satu kes di bawah Lembaga Tataertib Kumpulan Sokongan (No. 1).

Pelanggaran tatakelakuan dan status kes pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

Pengurusan Kes Tindakan Tataertib

JENIS/BENTUK KESALAHAN	KES SELESAI		KES MASIH DALAM TINDAKAN	
	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN PELAKSANA	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN PELAKSANA
Tidak Hadir Bertugas	0	7	0	3
Kes Mahkamah	0	2	0	2
Tidak Hadir Bertugas dan Tidak Dapat Dikesan	0	0	0	0
Surcaj	0	0	0	0
JUMLAH	0	9	0	5


KURSUS DAN LATIHAN

Latihan yang berterusan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai JUPEM. Peluang seluas-luasnya telah diberikan kepada setiap pegawai dan kakitangan untuk mengikuti latihan, baik di peringkat akademik mahupun latihan dalam perkhidmatan yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran bersesuaian dengan pemodenan Jabatan dan perubahan persekitaran. Melalui kaedah ini, JUPEM dapat melahirkan modal insan yang mempunyai kepakaran dan kompeten bagi memastikan kelangsungan sistem penyampaian dan perkhidmatan kepada pelanggan.

Bilangan Hari Kursus/ Latihan Yang Dihadiri Pegawai dan Kakitangan Bagi Tahun 2015

BIL.	BIDANG KURSUS	BILANGAN HARI			JUMLAH
		GREDD UTAMA	PENGURUSAN & PROFESIONAL	PELAKSANA	
1	Program Transformasi Minda (Kursus Wajib)	0	4	24	28
2	Pengurusan Ukur dan Pemetaan	12	524	3706	4238
3	Pengurusan Sumber Manusia	12	514	8702	9228
4	Pengurusan Kewangan	12	62	520	594
5	Kualiti dan Produktiviti	1	142	1511	1654
6	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	0	61	737	798
7	Pembangunan Kendiri	9	145	3882	4036
8	Bahasa dan Komunikasi	0	13	170	183
JUMLAH		46	1465	19248	20759


Pecahan Bilangan Hari Kursus/ Latihan Yang Dihadiri Oleh Pegawai dan Kakitangan



Bilangan Pegawai dan Kakitangan Yang Menghadiri 7 Hari Berkursus

BIL.	GREDD/ KUMPULAN	BILANGAN PERJAWATAN	BILANGAN PENGISIAN	KURSUS PENDEK			BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR KURSUS PANJANG > 3 BULAN
				BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR > 7 HARI SETAHUN	BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR < 7 HARI SETAHUN	BILANGAN ANGGOTA YANG TIDAK BERKURSUS	
1	Gred Utama	11	11	11	0	0	0
2	Pengurusan & Profesional	304	286	282	0	0	4
3	Pelaksana	4569	4211	4209	0	0	2
JUMLAH		4884	4508	4502	0	0	6


Pecahan Peratusan Pegawai dan Kakitangan Yang Menghadiri 7 hari Berkursus



Bilangan Pegawai dan Kakitangan Yang Melanjutkan Pelajaran Bagi Tahun 2015

BIL.	TAHAP AKADEMIK	SEDANG BERKURSUS		TAMAT BERKURSUS		JUMLAH
		SEPENUH MASA	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA	SEPENUH MASA	
1	Doktor Falsafah	4	0	0	0	4
2	Sarjana	4	1	5	0	10
3	Sarjana Muda	1	23	0	9	33
4	Diploma	0	0	2	0	2
JUMLAH		9	24	7	9	49

Pecahan Pegawai dan Kakitangan Yang Melanjutkan Pelajaran Dalam Tahun 2015



LAMAN WEB JUPEM GEOPORTAL

Laman web www.jupem.gov.my yang dikenali sebagai JUPEM Geoportal, sentiasa dikemaskinikan dari semasa ke semasa, merupakan medium penting yang menghubungkan JUPEM dengan pelanggan-pelanggannya. Ia merupakan satu langkah ke hadapan bagi memastikan urus tadbir korporat JUPEM lebih efisien dan sentiasa memenuhi kehendak pelanggan. Melalui portal, JUPEM dapat memenuhi keperluan pelanggan dan mendokong aspirasi Kerajaan dalam memperkasakan ICT dengan menyediakan pelbagai maklumat geospasial yang dihasilkan secara berpusat bagi tujuan menyediakan sistem pengurusan dan penyebaran maklumat secara atas talian, merealisasikan konsep e-Kerajaan, melakukan transaksi secara e-Dagang, serta menyediakan kemudahan *backup* atas talian.

Produk	Bilangan Transaksi 2015												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
Pemetaan	2	0	2	0	0	0	0	0	1	1	0	0	6
Kadaster	5488	3942	5751	5988	4991	5195	4179	5455	4863	6525	5892	5581	63850
Geodesi	242	194	290	234	246	236	191	266	220	241	320	264	2944
Jumlah	5732	4136	6043	6222	5237	5431	4370	5721	5084	6767	6212	5845	66800

The screenshot shows the official website of JUPEM Geoportal. At the top, there is a navigation bar with links for 'UTAMA', 'INFO JUPEM', 'PRODUK & PERKHIDMATAN', 'SUMBER', 'MEDIA', 'ARKIB', and 'HUBUNGI KAMI'. Below this is a large banner celebrating the 6th anniversary of the agency, with the text 'AKRABJUPEM TAHUNIAH' and 'SEMPENA KONVENSYEN AKRAB KEBANGSAAN KALI KE-6 Tahun 2015'. The banner also mentions 'Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia'. Below the banner, there are three main sections: 'PRODUK & PERKHIDMATAN' with images for 'Kadaster', 'Pemetaan', and 'Geodesi'; 'BERITA TERKINI' (Latest News) with a list of news items; and 'PENGUMUMAN' (Announcements) with a list of announcements. On the right side, there is a login section for 'APLIKASI EBIZ (SSO)' with fields for 'MyID/MyColD/E-Mel/MyPR' and 'Kata Laluan'. A large orange graphic on the right side of the screenshot contains the text 'LAMAN WEB RASMI JUPEM GEOPORTAL'.



FACEBOOK



TWITTER

PENERIMA BINTANG KEBESARAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/GRED	BAHAGIAN / JUPEM NEGERI	ANUGERAH DITERIMA
1	Datuk Prof. Sr Ahmad Fauzi bin Nordin	Juruukur / Gred Utama A	Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia	Darjah Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P) Darjah Dato' Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T)
2	Dato' Sr Hasan bin Jamil	Juruukur / Gred Utama B	Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I	Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P)
3	Dato' Sr Abdul Aziz bin Haji Jantan	Juruukur / J54	Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan Topografi Semenanjung)	Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P)
4	Sr Jasni bin A. Rahman	Juruukur / J54	Negeri Sembilan	Kesatria Mangku Negara (K.M.N)
5	Sr Ahmad Azman bin Ghazali	Juruukur / J54	Pulau Pinang	Bintang Cemerlang Negeri (B.C.N)
6	Sr Nor Azri Juhari bin Ahmad	Penolong Pengarah Ukur / J41	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
7	Hasnan bin Arshad	Penolong Juruukur / JA36	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
8	Izham bin Hamid	Penolong Juruukur / JA36	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
9	Aminah binti Ghani	Penolong Juruukur / JA29	Kelantan	Pingat Setia Mahkota (P.S)
10	Jagathisvarna a/l Jaganathan	Penolong Juruukur / JA29	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
11	Azman bin Daud	Pemandu Kenderaan / H11	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
12	Tuan Haji Halmi bin Othman	Pembantu Awam / H11	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
13	Mohtar bin Mahmud	Pembantu Awam / H11	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
14	Inchek Hushin bin Din	Pembantu Awam / N11	Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)

LAPORAN PRESTASI



INFRASTRUKTUR GEODETIK

UKURAN JARINGAN DAN KAWALAN GNSS


Kaedah pengukuran menggunakan Sistem Navigasi Satelit Global atau GNSS (*Global Navigation Satellite System*) adalah kaedah yang efisien, efektif dan terkini untuk mendapatkan kedudukan sesuatu titik di permukaan bumi.

Kaedah yang menggunakan rujukan silang pada satelit ini telah mula digunakan di JUPEM sejak awal 90-an lagi.

Dengan perkembangan teknologi dan pemodenan sistem GNSS, prestasi dan kualiti kerja pengukuran dapat dipertingkatkan bagi memberi kemudahan kepada pengguna.

Bagi tahun 2015, kerja-kerja pengukuran GNSS adalah melibatkan perancangan cerapan 900 stesen termasuk ukuran bagi menambahbaik jaringan *Cadastral Reference Mark (CRM)* untuk ukuran kadaster.


Pencapaian aktiviti jaringan pengukuran GNSS bagi tahun 2015 adalah sebanyak 933 stesen (104%) berbanding 900 stesen yang ditetapkan dan pecahan aktiviti adalah seperti berikut:



BIL.	AKTIVITI	STESEN
1	Cerapan GNSS bagi penubuhan Jaringan Ukur Kawalan Sempadan Antarabangsa Malaysia – Brunei Darussalam	24
2	Cerapan GNSS untuk GPS Levelling	43
3	Projek <i>Height Modernisation System (HMS)</i>	400
4	Cerapan GNSS untuk <i>Cadastral Reference Mark (CRM)</i>	430
5	Projek <i>Marine Geodetic Infrastructure In Malaysia Water (MAGIC)</i>	7
6	Projek Penubuhan Jaringan Ukur Kawalan Negeri Sembilan–Melaka	25
7	Projek Verifikasi Stesen PMGSN	4
	JUMLAH	933

Pencapaian aktiviti jaringan pengukuran GNSS bagi tempoh lima tahun terakhir adalah seperti berikut:

TAHUN	STESEN
2011	809
2012	818
2013	918
2014	991
2015	933



MyRTKnet

Lanjutan daripada perkembangan teknologi GNSS, sistem MyRTKnet (*Malaysian Real Time Kinematic Network*) telah dibangunkan sejak tahun 2003.

Kaedah pengukuran menggunakan *Real Time Kinematic* merupakan inovasi terkini dalam penentuan kedudukan relatif sesuatu titik.

Dengan jumlah sebanyak 78 stesen iaitu masing-masing 50 stesen di Semenanjung, 14 stesen di Sabah dan 14 stesen di Sarawak, sistem ini mampu memberikan hasil kerja pengukuran yang tepat dan jitu.



Pencapaian aktiviti MyRTKnet bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	Pengoperasian dan Penyelenggaraan Stesen MyRTKnet	100 kali	100 kali (100%)
2	Pengurusan Data GPS Stesen MyRTKnet	628,617 jam data	628,617 jam data (100%)
3	Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Harian	26,192 set data	26,192 set data
4	Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Mingguan & Tahunan	3,732 set data	3,732 set data

UJIAN TAPAK PILLAR KALIBRASI EDM/GNSS

Sasaran kerja bagi aktiviti ini baru diwujudkan pada tahun 2015 bagi melaksanakan ujian tapak kalibrasi sekali setahun ke atas 14 stesen. Oleh yang demikian, jumlah ujian yang perlu dilakukan pada tahun 2015 adalah sebanyak 14 kali. Senarai tapak ujian pillar kalibrasi EDM/GNSS yang terletak di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah seperti berikut:



BIL.	LOKASI	BIL. STESEN
1	Arau, Perlis	1
2	Pokok Sena, Kedah	1
3	Kubang Semang, Pulau Pinang	1
4	Taiping, Perak	1
5	W.P. Kuala Lumpur	1
6	Port Dickson, Negeri Sembilan	1
7	Melaka	1
8	Batu Pahat, Johor	1
9	Temerloh, Pahang	1
10	Tg. Sepat, Pahang	1
11	Polis, Pahang	1
12	Dungun, Terengganu	1
13	Melor, Kelantan	1
14	W.P. Labuan	1
JUMLAH		14

Pencapaian aktiviti ujian tapak pillar kalibrasi EDM/GNSS bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
Ujian Tapak Pillar Kalibrasi EDM/GNSS Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan	14 stesen	14 stesen (100%)

CERAPAN AIR PASANG SURUT

Pengoperasian 20 stesen tolok air pasang surut (STAPS) yang terdiri daripada 11 stesen di Semenanjung: (lokasinya di Jeti Telok Ewa Pulau Langkawi, Kedah; Penang Yacht Club George Town, Pulau Pinang; Pangkalan TLDM Lumut, Perak; Dermaga 25 Pelabuhan Utara Pelabuhan Kelang, Selangor; Jeti Tanjung Bruas Tanjung Keling, Melaka; Jeti Kukup, Johor; Kompleks LKIM Tanjung Sedili, Johor; Jeti Berjaya Beach Resort Pulau Tioman, Pahang; Pelabuhan Kuantan Tanjung Gelang, Pahang; Kompleks LKIM Cendering, Terengganu dan Kompleks LKIM Geting, Kelantan) manakala 6 stesen terletak di Sabah: (lokasinya di Pelabuhan Kota Kinabalu; Kudat; Pelabuhan Sandakan; Lahad Datu; Pelabuhan Tawau; Pulau Labuan) dan 3 stesen lagi terletak di Sarawak: (lokasinya di Sejingkat, Kuching; Pelabuhan Bintulu, Bintulu; Marina Park Miri) adalah untuk mendapatkan bacaan nilai aras purata laut yang akan digunakan sebagai datum tegak yang jitu dan seterusnya akan dijadikan sebagai rujukan asas bagi kerja-kerja pengukuran aras.



Lokasi Stesen STAPS di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

Pencapaian aktiviti cerapan air pasang surut bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

LOKASI	JUMLAH STESEN	SKT 2015	PENCAPAIAN
Semenanjung	11	132 set	132 set (100%)
Sabah	6	72 set	72 set (100%)
Sarawak	3	36 set	36 set (100%)

Aktiviti cerapan air pasang surut di 20 stesen STAPS berkenaan adalah bagi membolehkan Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut dan Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut dihasilkan untuk kegunaan pelbagai pihak.

Dalam tahun 2015, sebuah buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut bagi tahun 2014 dan sebuah buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut bagi tahun 2017 telah dapat diterbitkan.

JARINGAN UKUR ARAS

Pengukuran aras dijalankan bagi mendapatkan nilai ketinggian sesuatu titik di atas permukaan bumi. JUPEM telah menjalankan dua jenis ukuran aras iaitu Ukuran Aras Jitu dan Ukuran Aras Kelas Kedua. Pengukuran dan pemrosesan data ukuran aras ini meliputi kerja-kerja yang dijalankan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.



Bagi tahun 2015, pemrosesan data ukur aras jitu melibatkan laluan-laluan di Semenanjung sahaja. Laluan-laluan yang terlibat adalah laluan Karak–Pahang–Seremban, Negeri Sembilan; Machang–Jeli, Kelantan; Kuantan–Gambang, Pahang; Pontian Kecil–Skudai, Johor; Muar–Parit Jawa–Batu Pahat, Johor; Gulau–Durian Burung, Kedah; Kuala Perlis–Sintok (UUM), Kedah; Kuala Perlis–Kangar–Berseri–Padang Besar, Perlis dan Simpang Pertang–Batu Kikir–Bahau, Negeri Sembilan.

Pencapaian kerja-kerja ukuran aras bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:


BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	Ukuran Aras Jitu	586 tanda aras
2	Pemrosesan Data Ukuran Aras Jitu	527 tanda aras
3	Pemrosesan Data Ukuran Aras Kelas Kedua	156 tanda aras

Pencapaian SKT aktiviti kerja-kerja ukuran aras jitu bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

UKURAN ARAS JITU		PEMROSESAN DATA ARAS JITU	
SKT 2015	PENCAPAIAN 2015	SKT 2015	PENCAPAIAN 2015
300 Tanda Aras	586 Tanda Aras (195%)	450 Tanda Aras	527 Tanda Aras (117%)

Pencapaian aktiviti kerja-kerja ukuran aras jitu bagi tempoh lima tahun terakhir adalah seperti berikut:

TAHUN	UKURAN ARAS JITU (TANDA ARAS)	PEMROSESAN DATA ARAS JITU (TANDA ARAS)
2011	721	485
2012	1,125	478
2013	724	749
2014	601	494
2015	586	527




Pencapaian SKT aktiviti kerja-kerja ukuran aras kelas kedua bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

UKURAN ARAS KELAS KEDUA		PEMROSESAN DATA ARAS KELAS KEDUA	
SKT 2015	PENCAPAIAN 2015	SKT 2015	PENCAPAIAN 2015
0 Tanda Aras	0 Tanda Aras (0%)	100 Tanda Aras	156 Tanda Aras (156%)

Pencapaian aktiviti kerja-kerja ukuran aras kelas kedua bagi tempoh lima tahun terakhir adalah seperti berikut:

TAHUN	UKURAN ARAS KELAS KEDUA (TANDA ARAS)	PEMROSESAN DATA ARAS KELAS KEDUA (TANDA ARAS)
2011	205	183
2012	145	143
2013	0	104
2014	0	122
2015	0	156



Nota: Ukuran aras kelas kedua tidak dijalankan bagi tahun 2015 kerana memberi penumpuan kepada aktiviti pemetaan peta topografi dan peta tematik.

UKURAN GRAVITI


JUPEM telah memainkan peranan utama dalam menjalankan pengukuran graviti bagi tujuan mendapatkan pembetulan ketinggian ortometrik. Ketinggian ortometrik ini akan digunakan sebagai rujukan bagi kerja-kerja pemetaan, kejuruteraan, penyelidikan saintifik dan sebagainya.

Bagi tahun 2015, perancangan telah dibuat untuk menyiapkan 600 stesen bagi cerapan Graviti Tertib Pertama dan Ketiga di seluruh Negeri Kedah dan Perlis bagi Projek *Height Modernisation System*. Walau bagaimanapun, hanya 545 stesen dapat disiapkan cerapan disebabkan kerosakan alat gravimeter dalam bulan September 2015.



ASTRONOMI


JUPEM merupakan sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam bidang astronomi khususnya dalam penyediaan data rukyah dan hلال. Dengan menganggotai Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Negeri-negeri, JUPEM telah memainkan peranannya dengan memberikan perkhidmatan kepada orang awam terutama dalam penyediaan kalendar Islam, penentuan arah kiblat, cerapan rukyah dan hلال bagi penentuan tarikh-tarikh penting di dalam kalendar Islam seperti penentuan awal Ramadhan dan Syawal.



Pencapaian aktiviti berkaitan astronomi bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	Pengiraan Astronomi Rukyah dan Hلال	29 stesen	29 stesen (100%)
2	Cerapan Hلال di Balai Cerap Teluk Kemang bagi tujuan Kajian Semula Kriteria-kriteria Imkanur Rukyah	9 kali	9 kali (100%)
3	Cerapan Kajian Cerahan Langit	6 kali	6 kali (100%)

Pada tahun 2015, penyediaan data dalam penentuan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah bagi tahun 1436 Hijrah telah dijalankan di 29 buah stesen cerapan hلال iaitu di Kuala Sungai Baru Simpang Empat, Perlis; Menara Telekom, Alor Setar, Kedah; Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah; Pemandangan Indah, Langkawi, Kedah; Pantai Acheh, Pulau Pinang; Pantai Pasir Panjang, Perak; Bukit Malawati, Kuala Selangor, Selangor; Balai Cerap Selangor, Bandar Nakhoda Omar, Selangor; Bukit Jugra, Selangor; Menara Kuala Lumpur; PICC Putrajaya; Telok Kemang, Negeri Sembilan; Tanjung Bidara, Melaka; Pontian Kechil, Johor; Bukit Tanjung Batu, Nenasi, Pekan, Pahang; Bukit Pelindung, Kuantan, Pahang; Gunung Berinchang, Cameron Highlands, Pahang; Bukit Geliga, Kemaman, Terengganu; Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu; Merang, Setiu, Terengganu; Pulau Perhentian, Besut, Terengganu; Menara Bangunan SEDC, Kota Bharu, Kelantan; Bukit Peraksi, Pasir Puteh, Kelantan; Bukit Kampung Tembeling, Kuala Krai, Kelantan; Tanjung Dumpil, Putatan, Sabah; Menara Universiti Malaysia Sabah, Labuan; Tanjung Lobang, Miri, Sarawak; Tanjung Batu, Bintulu, Sarawak dan Teluk Bandung, Kuching, Sarawak.



Lokasi Stesen Cerapan Hilal di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

PERSEMPADAN ANTARABANGSA

PERSEMPADAN DARAT MALAYSIA - THAILAND

Projek penandaan dan pengukuran sempadan antara Malaysia-Thailand bagi sempadan legeh (*watershed*) yang berukuran sepanjang 551.5 km telah dimulakan pada 6 Julai 1973 dan telah siap pada 26 September 1985. Manakala bagi sempadan alur terdalam sungai (*Thalweg*) yang berukuran sepanjang 105.3 km telah dimulakan pada 1 November 2000 dan telah siap pada 28 Julai 2009. Projek ini telah dilaksanakan secara bersama dengan *Royal Thai Survey Department (RTSD)*. Pada masa ini aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan di bawah projek ini adalah Ukuran Pelbagai iaitu Ukuran Siasatan, Tanam Pastian dan kerja-kerja Penyelenggaraan Sempadan Bersama Antarabangsa Malaysia -Thailand.




Pencapaian aktiviti ukuran siasatan, tanam pastian dan kerja-kerja penyelenggaraan sempadan di Kawasan Keutamaan IV (BP51-BP54A), Kawasan Keutamaan II (BP7C-BP8C) bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	KAWASAN	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	Seksyen C - IV (BP51-BP54A)	4.6 km	4.6 km (100%)
2	Seksyen D - IV (BP51-BP54A)	5.2 km	5.2 km (100%)
3	Seksyen E - IV (BP51-BP54A)	4.8 km	4.8 km (100%)
4	Seksyen F - IV (BP51-BP54A)	5.3 km	5.3 km (100%)
5	Seksyen A - II (BP7C-BP8C)	6.9 km	6.9 km (100%)
6	Seksyen B - II (BP7C-BP8C)	7.2 km	7.2 km (100%)
	JUMLAH		34.0 km



Selain daripada itu, mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan berkaitan dengan persempadanan antarabangsa darat antara Malaysia dan Thailand adalah seperti berikut:

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	Perbincangan Ke-31 Pengarah Projek Bersama (DIS-CPD-31) Penandaan, Pengukuran dan Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Thailand-Malaysia di Chiang Mai, Thailand	10 - 12 Februari 2015
2	Mesyuarat <i>High Level Committee</i> Ke-31 Malaysia-Thailand (HLC-31) di Bangkok, Thailand	13 - 15 Mei 2015
3	Perbincangan Ke-32 Pengarah Projek Bersama (DIS-CPD-32) Penandaan, Pengukuran dan Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Thailand-Malaysia di Hat Yai, Thailand	9 - 11 Jun 2015
4	Mesyuarat Ke-46 Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Thailand (JTC-46) di Hat Yai, Thailand	25 - 27 Ogos 2015
5	Mesyuarat <i>High Level Committee</i> Ke-32 Malaysia-Thailand (HLC-32) di Kuala Lumpur, Malaysia	14 September 2015
6	Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JC) Ke-13 dan Mesyuarat <i>Joint Development Strategy</i> (JDS) Ke-4 di Kuala Lumpur, Malaysia	21 - 22 Oktober 2015
7	Mesyuarat Ke-2 Thailand-Malaysia <i>Technical Team For Border Co-Management</i> di Hat Yai, Thailand	8 Disember 2015




PERSEMPADAN DARAT MALAYSIA - INDONESIA

Mesyuarat Ke-39 Jawatankuasa Bersama Sempadan Antarabangsa Malaysia-Indonesia telah diadakan di Miri, Sarawak pada 27-29 November 2014 bagi membincangkan Projek Pengukuran Sempadan Antarabangsa Sarawak-Kalimantan Barat dan Sempadan Antarabangsa Sabah-Kalimantan Utara yang antara lainnya ialah Program Ukur Bagi Tahun 2015. Dalam mesyuarat tersebut, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menjalankan kerja-kerja ukuran siasatan, tanam pastian dan penyelenggaraan (IRM) bagi Sektor Sabah-Kalimantan Utara, di Sub-Sektor A600-A700 dalam Kawasan Keutamaan I (A-B) sejauh 8.0 km dan bagi Sektor Sarawak-Kalimantan Barat di Sub-Sektor H300-H500 dalam Kawasan Keutamaan VII (H I) dengan jarak sejauh 15.0 km.




Mesyuarat Ke-45 Jawatankuasa Teknikal Bersama dalam Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Indonesia-Malaysia di Bali, Indonesia pada 24-26 November 2015 antara lainnya telah melaporkan pencapaian aktiviti ukuran siasatan, tanam pastian dan kerja-kerja penyelenggaraan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	KAWASAN	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	Sabah-Kalimantan Utara	8.0 km	8.0 km (100%)
2	Sarawak-Kalimantan Barat	15.0 km	15.0 km (100%)



Projek Pengukuran Sempadan Antarabangsa Sabah-Kalimantan Utara



Projek Pengukuran Sempadan Antarabangsa Sarawak-Kalimantan Barat

Mesyuarat berkaitan dengan persempadanan antarabangsa darat antara Malaysia dan Indonesia yang telah diadakan dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	<i>Special Discussion For The Joint Border Mapping Between Indonesia (Kalimantan Utara & Kalimantan Barat) dan Malaysia (Sabah & Sarawak) di Bandung, Indonesia</i>	25-27 Mei 2015
2	<i>Special Discussion For The Joint Border Mapping Between Indonesia (Kalimantan Utara & Kalimantan Barat) and Malaysia (Sabah & Sarawak) di Shah Alam, Selangor, Malaysia</i>	17-21 Ogos 2015
3	<i>Special Discussion For The Common Border Datum Reference Frame di Genting Highland, Pahang, Malaysia</i>	25-27 Ogos 2015
4	<i>Mesyuarat Ke-12 JWG on Common Border Datum Reference Frame and Joint Border Mapping Malaysia-Indonesia di Terengganu, Malaysia</i>	21-23 Oktober 2015
5	Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Kerja Bersama bagi Kawasan-kawasan Bermasalah (JWG-OBP) dalam Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Indonesia (Kalimantan Utara) - Malaysia (Sabah) di Shah Alam, Selangor, Malaysia	4-6 November 2015
6	Mesyuarat Ke-45 Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia (Sabah & Sarawak) dan Indonesia (Kalimantan Utara & Kalimantan Barat) di Bali, Indonesia	24-26 November 2015
7	Persidangan Ke-33 Jawatankuasa Kerja Sosek Indonesia - Malaysia di Batam, Kepulauan Riau, Indonesia	14-15 Disember 2015

PERSEMPADANAN MARITIM MALAYSIA - INDONESIA

Mesyuarat Teknikal Mengenai Isu-isu Pembatasan Sempadan Maritim Antara Malaysia dan Indonesia merupakan mesyuarat berjadual yang diadakan secara berkala sejak tahun 2005 dan diketuai oleh Kementerian Luar Negeri (KLN). Di samping itu, *Technical Working Group (TWG) on Maritime Boundaries Delimitation between Malaysia and The Republic of Indonesia* yang diketuai oleh Pengarah Ukur Bahagian (Ehwal Persempadanan), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Teknikal tersebut bagi membincangkan isu-isu teknikal berkaitan penentuan sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia.



Mesyuarat-mesyuarat berkaitan persempadanan maritim antara Malaysia dan Indonesia yang telah diadakan dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	Mesyuarat Persediaan Antara Agensi Berhubung <i>27th Technical Meeting on Maritime Boundaries Delimitation between Malaysia and The Republic of Indonesia</i> di Wisma Putra, Putrajaya	12 Februari 2015
2	<i>27th Technical Meeting on Maritime Boundaries Delimitation between Malaysia and The Republic of Indonesia</i> di Jakarta, Indonesia	26-28 Februari 2015
3	Mesyuarat Persediaan Antara Agensi Bagi <i>28th Technical Meeting On The Delimitation Of Maritime Boundaries Between Malaysia-Republic Of Indonesia</i> , di Wisma Putra, Putrajaya	26 Mei 2015
4	<i>28th Technical Meeting on Maritime Boundaries Delimitation between Malaysia and The Republic of Indonesia</i> , di Kuching, Sarawak	14-16 Jun 2015
5	Mesyuarat Persediaan bagi <i>2nd Meeting on the Review of the Implementation on the MoU Between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia in respect of the Common Guidelines Concerning Treatment of Fishermen by Maritime Law Enforcement Agencies of Malaysia and the Republic of Indonesia (2nd Review Meeting MoU Common Guidelines)</i> di MKN, Putrajaya	28 Oktober 2015
6	Mesyuarat Persediaan Antara Agensi Bagi <i>29th Technical Meeting On The Delimitation Of Maritime Boundaries Between Malaysia-Republic Of Indonesia</i> di Wisma Putra, Putrajaya	17 November 2015
7	Mesyuarat Persediaan Antara Agensi bagi Mekanisme Baru Berhubung Pembatasan Sempadan Maritim di antara Malaysia dan Indonesia di Laut Sulawesi di Wisma Putra, Putrajaya	22 Disember 2015

PERSEMPADANAN MARITIM MALAYSIA - SINGAPURA

Kerja-kerja Ukuran Bersama antara Malaysia dan Singapura telah dijalankan sebagai persiapan awal terhadap kerja-kerja penentuan persempadanan maritim di sekitar Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Dalam hubungan yang berkaitan, JUPEM melalui Bahagian Ehwal Persempadanan terlibat sebagai urus setia bersama dalam Mesyuarat Penentuan Persempadanan Maritim Malaysia-Singapura. Di samping itu, Bahagian Ehwal Persempadanan juga terlibat dengan mesyuarat-mesyuarat berhubung kait dengan persempadanan maritim di antara Malaysia-Singapura seperti berikut:


BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	Mesyuarat Teknikal Penambakan Laut di Selat Johor: <i>Settlement Agreement 2005</i> di Jabatan Alam Sekitar, NRE, Putrajaya	12 Februari 2015
2	Mesyuarat Penubuhan Kumpulan Penasihat Rundingan <i>Malaysia-Singapore Joint Committee on the Environment (MSJCE)</i> di Jabatan Alam Sekitar, NRE, Putrajaya	10 Mac 2015
3	Mesyuarat Antara Agensi Berhubung Draf Rekod Mesyuarat Ke-7 Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia - Singapura Berhubung Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Wisma Putra, Putrajaya	2 April 2015
4	Mesyuarat Teknikal Projek-Projek Penambakan di Sepanjang Selat Johor Bil. 3/2015 di Pusat Pencerapan Bumi (EOC), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor	3 April 2015
5	Taklimat Mengenai Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan diberikan kepada YAB Menteri Besar Johor dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor di Pejabat Menteri Besar, Johor Bahru, Johor	30 Jun 2015
6	Mesyuarat Teknikal Projek-Projek Penambakan di Sepanjang Selat Johor Bil. 9/2015 di Pusat Pencerapan Bumi (EOC), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor	1 September 2015
7	Mesyuarat Teknikal Projek-Projek Penambakan di Sepanjang Selat Johor Bil. 10/2015 di Pusat Pencerapan Bumi (EOC), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor	8 September 2015
8	Mesyuarat Teknikal Projek-Projek Penambakan di Sepanjang Selat Johor Bil. 12/2015 di Pusat Pencerapan Bumi (EOC), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor	30 September 2015
9	Bengkel dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal bagi Program Data Alam Sekitar di Sepanjang Selat Johor dan di Sekitar Batuan Tengah dan Tubir Selatan Bil. 2/2015 di Johor Bahru, Johor	9-11 Disember 2015

PERSEMPADAN DARAT MALAYSIA - BRUNEI DARUSSALAM

Bagi tahun 2015, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menjalankan kerja Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia–Brunei Darussalam bagi sebahagian dari sektor (C–D) iaitu dari Sektor (C-D) TL02/2–SL02/3 dan Sektor (K-L) TL07/21 – FL08 dengan jarak 11 km.

Pasukan Ukur Bersama telah memulakan kerja Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia-Brunei bagi sebahagian dari sektor (C–D) iaitu dari Sektor (C-D) TL02/2 – SL02/3 dan kerja ukur kawalan di Sektor (K-L) TL07/21 – FL08.

Sehingga 31 Disember 2015, Pasukan Ukur Bersama telah menjalankan kerja-kerja ukuran dan demarkasi sebanyak 5.84 km.



Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia-Brunei (Sektor C-D)

Pencapaian aktiviti kerja pengukuran bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

KAWASAN	SKT 2015	PENCAPAIAN
Sektor (C-D) TL02/2 – SL02/3 (5km)	11.0 km	5.84 km (53%)*
Sektor (K-L) TL07/21 – FL08 (6km)		

*Pencapaian hanya 53% disebabkan Sektor K-L tidak dijalankan kerana tumpuan kepada kerja pengukuran khas *Joint Preliminary Visual Investigation* dan ukuran topografi di Sektor F-G (Bebuloh ke Bukit Gadong).



Mesyuarat berkaitan dengan persempadanan Antarabangsa Darat antara Malaysia dan Brunei yang telah diadakan dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	Pra Mesyuarat Antara Agensi Ke-16 Bagi Membincangkan Pelaksanaan <i>Exchange Of Letters (EOL)</i> di antara Malaysia Dengan Brunei Darussalam di Wisma Putra, Putrajaya	30 Jun 2015
2	Mesyuarat Dua Hala Ke-16 Mengenai Pelaksanaan <i>Exchange of Letters (EOL)</i> di antara Malaysia dan Brunei Darussalam, di Kuala Lumpur	4 Ogos 2015
3	Rundingan Tahunan Ke-19 Antara PSB Sultan Brunei Darussalam dengan YAB Perdana Menteri Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei	10-11 Ogos 2015
4	Mesyuarat Ke-12 Jawatankuasa Teknikal Persempadanan Darat antara Malaysia-Brunei Darussalam di Kuala Terengganu, Terengganu	7 - 9 September 2015

PROJEK PELANTAR BENUA MALAYSIA


Artikel 76, Konvensyen Undang-Undang Laut (KUUL), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 memperuntukkan bagi negara-negara berpantai yang berhasrat untuk menetapkan perbatasan luar pelantar benua melebihi 200 batu nautika dari garis pangkal laut wilayahnya dikehendaki supaya mengemukakan data saintifik dan maklumat teknikal kepada Suruhanjaya Mengenai Had-Had Pelantar Benua (CLCS-Commission on the Limits of the Continental Shelf) selewat-lewatnya pada 13 Mei 2009. Selaras dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pelantar Benua yang telah diadakan di Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri pada 25 Ogos 2001 telah menubuhkan Kumpulan Kerja Pelantar Benua serta melantik JUPEM sebagai Lead Agency bagi mengumpul, menganalisis dan merangka penyediaan dokumen *submission* kepada CLCS.

Jemaah Menteri pada 23 Julai 2008 telah bersetuju tuntutan had pelantar benua dikemukakan secara *Joint Submission* dengan Vietnam. Dalam hal ini, dokumen *Joint Submission* Malaysia dan Republik Sosialis Vietnam telah berjaya dikemukakan kepada pihak CLCS di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York pada 6 Mei 2009. Seterusnya, pihak Malaysia dan Republik Sosialis Vietnam telah membentangkan *preliminary presentation Malaysia-Vietnam Joint Submission* semasa *24th session of the CLCS* di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York, Amerika Syarikat pada 27 Ogos 2009. Walau bagaimanapun, pada 1 Oktober 2009 pihak CLCS telah menangguhkan pertimbangan bagi penelitian terhadap dokumen *Joint Submission* tersebut berikutan Nota Bantahan daripada pihak Republik Rakyat China dan Filipina. Keputusan CLCS menangguhkan *Joint Submission* tersebut merupakan halangan pertama yang perlu diatasi secara bersama oleh Malaysia dan Vietnam dalam memastikan dokumen *Joint Submission* dapat diteliti seterusnya menerima *recommendations* daripada pihak CLCS.

Dalam hubungan berkaitan, keputusan Jemaah Menteri bertarikh 22 April 2009 antara lain telah bersetuju supaya penyediaan *unilateral or joint submission* Malaysia bagi *remaining portion of the extended continental shelf* terus dilaksanakan. Sehubungan itu, pada masa kini pihak JUPEM bersama agensi-agensi terlibat sedang menyediakan dokumen *submission* bagi tujuan tuntutan baki had pelantar benua yang dikenali sebagai Projek Pelantar Benua Malaysia Fasa II. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan bertujuan memastikan pelaksanaan Projek Pelantar Benua Malaysia Fasa II dapat diteruskan seiring dengan perancangan yang ditetapkan merangkumi mesyuarat, perbincangan dan latihan kepada pegawai pelapis dalam memastikan *sustainability* Projek Pelantar Benua Malaysia dapat dipelihara demi kepentingan nasional. Antara pencapaian aktiviti-aktiviti dan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:



BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa Pelantar Benua Malaysia Bil.1/2015 di Bilik Tanjung, MKN, Putrajaya	16 April 2015
2	Perbincangan <i>Informal</i> di antara Malaysia dan Vietnam berhubung Persempadanan Maritim dan Perbincangan <i>Informal</i> di antara Malaysia dan Vietnam berhubung Malaysia-Vietnam <i>Joint Submission to the Commission of the Limits of the Continental Shelf</i> di Wisma JUPEM, Kuala Lumpur	27 Mei 2015
3	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia Bil.1/2015 di MKN, Putrajaya	6 Ogos 2015
4	<i>16th Vietnam-Malaysia Joint Technical Expert Committee (JTEC) on the Issue of Joint Submission pursuant to Article 76 of the UNCLOS 1982</i> di Hanoi, Vietnam	25-27 Ogos 2015
5	Mesyuarat Pasukan Kerja Teknikal Pelantar Benua 2015 di Wisma JUPEM, Kuala Lumpur	29 Oktober 2015
6	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia Bil.2/2015 di MKN, Putrajaya	16 Disember 2015
7	Mesyuarat Kumpulan Kerja Pelantar Benua 2015 di Wisma JUPEM, Kuala Lumpur	18 Disember 2015



PERSEMPADAN NEGERI

PROJEK PENANDAAN DAN PENGUKURAN SEMPADAN BERSAMA ANTARA NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA

Pencapaian aktiviti penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara Negeri Sembilan dan Melaka bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

SEMPADAN NEGERI	SKT 2015	PENCAPAIAN
Negeri Sembilan–Melaka	22.1 km	22.1 km (100%)



Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Sembilan dan Melaka

Berikut merupakan senarai mesyuarat sepanjang tahun 2015 yang berkaitan dengan sempadan antara negeri-negeri yang dihadiri oleh Jabatan:

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Maritim Bersama Negeri Selangor Dengan Negeri Perak Dan Negeri Sembilan Bil.1/2015 di PTG Shah Alam, Selangor	4 Februari 2015
2	Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan Dan Pengukuran (Persempadanan Kedah-Perlis) Bil.2/2015 di PTG Kedah, Alor Setar, Kedah	23 Februari 2015
3	Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya Bil.1/2015 di PTG Selangor, Shah Alam, Selangor	3 Mac 2015
4	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Persempadanan Bersama Negeri Sembilan dan Negeri Melaka di Pej. Daerah dan Tanah, Seremban, Negeri Sembilan	12 Mac 2015
5	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Perak Dan Negeri Selangor Bil.1/2015 di JKPTG Ipoh, Ipoh, Perak	26 Mac 2015
6	Mesyuarat Teknikal Peringkat JUPEM Negeri bagi Penentuan Jajaran Sempadan Bersama Negeri Johor dan Negeri Sembilan di JUPEM Johor, Johor Bahru	27 Mei 2015
7	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama di Antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia Bil.1/2015 di Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 11, Wisma JUPEM, Kuala Lumpur	27 Mei 2015
8	Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Antara Negeri Terengganu Dan Pahang di PTG, Kuantan, Pahang	28 Mei 2015
9	Mesyuarat <i>Outreach And Engagement Programme</i> Siri 1/2015 bagi membincangkan Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Selangor-Pahang dan Negeri Selangor-Negeri Sembilan di Bilik Mesyuarat Zamrud, Aras 12, Wisma Sumber Asli, Putrajaya	17 Jun 2015
10	Mesyuarat <i>Outreach And Engagement Programme</i> Siri 2/2015 bagi membincangkan Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Bagi Negeri Sembilan-Johor, Negeri Johor-Melaka dan Negeri Johor-Pahang di Bilik Mesyuarat Zamrud, Aras 12, Wisma Sumber Asli, Putrajaya	17 Jun 2015
11	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sempadan Bersama Terengganu-Pahang di Bilik Mesyuarat Juruukur Daerah Selatan, Kemaman, Terengganu	27 Ogos 2015

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
12	Mesyuarat Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri antara Kedah-Pulau Pinang dan Kedah-Perak di PTG Kedah, Alor Setar, Kedah	9 September 2015
13	Mesyuarat Penyelarasan bagi Membincangkan Persempadanan Antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya di Bilik Mesyuarat JUPEM W.P. Kuala Lumpur/Putrajaya, Tingkat 4, Wisma JUPEM, Kuala Lumpur	21 September 2015
14	Mesyuarat Khas Memuktamadkan Penyelesaian Pertikaian Jajaran Penandaan dan Pengukuran Sempadan Melaka-Negeri Sembilan di Bilik Mesyuarat JUPEM Melaka, Melaka	7 Oktober 2015
15	Mesyuarat Mengenai Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama antara Negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian W.P. Kuala Lumpur, Kuala Lumpur	8 Oktober 2015
16	Mesyuarat bagi membincangkan persempadanan di antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Bilik Mesyuarat Tingkat 16, JUPEM Selangor, Shah Alam, Selangor	13 Oktober 2015
17	Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JKPPSBN) Bilangan 1 Tahun 2015 di Bilik Mesyuarat Mutiara, Tingkat 13, Wisma Sumber Asli, Putrajaya	20 Oktober 2015
18	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sempadan Terengganu-Pahang di Bilik Mesyuarat JUPEM Pahang, Kuantan, Pahang	9 November 2015
19	Taklimat Mengenai Sempadan Bersama Negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis di Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah	11 November 2015
20	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Kelantan di Bilik Perbincangan, Bahagian Pentadbiran, PTG Kelantan, Kota Bharu, Kelantan	16 November 2015
21	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama di Antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia Bil.2/2015 di Bilik Mesyuarat Zamrud, Aras 12, Wisma Sumber Asli, Putrajaya	18 November 2015

SAKSI PAKAR KES-KES DI MAHKAMAH

Pegawai-pegawai JUPEM merupakan saksi pakar dalam perbicaraan kes-kes tangkapan nelayan dan kapal asing yang menceroboh perairan Malaysia. Dalam tahun 2015, sejumlah dua puluh tiga (23) kes perbicaraan telah dihadiri oleh pegawai JUPEM bagi membuat pengesahan kedudukan sesuatu lokasi pencerobohan perairan negara yang telah dibawa ke mahkamah oleh Agensi Penguatkuasa, Maritim Malaysia (APMM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Perbicaraan yang telah dihadiri adalah seperti berikut:

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
1	Perbicaraan Kes Bernombor 83-520-8/14 dan 83-552-9/14 oleh APMM, Daerah Maritim 8, Kuantan, Pahang di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	15-16 Januari 2015
2	Perbicaraan Kes Bernombor 83-742-11/14 dan 83-743-11/14 oleh APMM, Daerah Maritim 8, Kuantan, Pahang di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	19-20 Januari 2015
3	Perbicaraan Kes Bernombor N802729 oleh KPDNKK di Mahkamah Sesyen, Kota Tinggi, Johor	20-22 Januari 2015
4	Perbicaraan Kes Bernombor TWU-62ATP-10/8-2014 oleh APMM, Daerah Maritim 18, Tawau, Sabah di Mahkamah Sesyen, Tawau, Sabah	9-12 Februari 2015
5	Perbicaraan Kes Bernombor SKN/RPT/016578/2013 oleh APMM, Daerah Maritim 17, Sandakan, Sabah di Mahkamah Sesyen, Sandakan, Sabah	2-3 Mac 2015
6	Perbicaraan Kes Bernombor C022622 oleh APMM, Daerah Maritim 8, Kuantan, Pahang di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	11 Mac 2015
7	Perbicaraan Kes Bernombor C022894 oleh APMM, Daerah Maritim 8, Kuantan, Pahang di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	25-26 Mac 2015
8	Perbicaraan Kes Bernombor CJBA No.033209 oleh APMM, Daerah Maritim Tanjung Sedili di Mahkamah Sesyen, Kota Tinggi, Johor	30 Mac 2015
9	Perbicaraan Kes Bernombor 87-667-06/2014 oleh APMM, Daerah Maritim 9 di Mahkamah Majistret, Kuala Terengganu, Terengganu	1 April 2015
10	Perbicaraan Kes Bernombor 87-667-06/2014 oleh APMM, Daerah Maritim 9 di Mahkamah Majistret, Kuala Terengganu, Terengganu	29 April 2015
11	Perbicaraan Kes Bot KNF7960 oleh APMM, Daerah Maritim 8, Kuantan, Pahang di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	5-6 Mei 2015
12	Perbicaraan Kes Kapal Tangki SIBU SATU oleh KPDNKK di Mahkamah Majistret, Kota Tinggi, Johor	12 Mei 2015
13	Perbicaraan Kes Tangkapan Vesel Bernombor Pendaftaran PK3149F oleh APMM, Kuala Kurau, Perak di Mahkamah Majistret, Taiping, Perak	16 Jun 2015
14	Perbicaraan Kes Rompakan Vesel MT Sun Birdie (IMO No.9073256) oleh APMM, Tanjung Sedili, Johor di Mahkamah Sesyen, Kota Tinggi, Johor	23 Jun 2015

BIL.	PERBINCANGAN	TARIKH
15	Perbicaraan Kes Bot KNF7959 dan KNF7960 oleh APMM, di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	25 Jun 2015
16	Perbicaraan Kes Tangkapan Vesel Nelayan Asing Bernombor Pendaftaran KG 93889 TS dan KG 94536 TS oleh APMM, Tanjung Sedili, Johor di Mahkamah Sesyen, Kota Tinggi, Johor	30 Jun - 1 Julai 2015
17	Perbicaraan Kes Bot KNF7959 dan KNF7960 oleh APMM di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	7 Julai 2015
18	Perbicaraan Kes Tangkapan Vesel Nelayan Asing Bernombor Pendaftaran KG94004TS oleh APMM, Miri, Sarawak di Mahkamah Majistret, Miri, Sarawak	20-24 Julai 2015
19	Perbicaraan Kes Tangkapan Vesel Thrive oleh APMM, Tanjung Sedili, Johor di Mahkamah Sesyen, Kota Tinggi, Johor	28-29 Julai 2015
20	Perbicaraan Kes Tangkapan Vesel MT Victory Star 1 Tiada Bernombor Pendaftaran dan Vesel MT Moresby 9 Bernombor Pendaftaran 7705740 oleh APMM di Mahkamah Sesyen, Sungai Petani, Kedah	29-30 Julai 2015
21	Perbicaraan Kes Bot KNF7959 dan KNF7960 oleh APMM di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang	10 Ogos 2015
22	Perbicaraan Kes Tangkapan Kapal Tangki MT TRITON Bernombor Pendaftaran 334174 oleh APMM, Miri, Sarawak di Mahkamah Sesyen, Miri, Sarawak	26-27 Oktober 2015
23	Perbicaraan Kes Tangkapan APMM-PM102/250/15-07 oleh APMM, Alor Setar, Kedah di Mahkamah Majistret, Alor Setar, Kedah	29 Disember 2015

PENERBITAN PETA

Beberapa aktiviti melibatkan pengukuran dan pemprosesan data dilakukan sebelum sesuatu peta dihasilkan. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan kerja-kerja pengutipan data di padang dan pemprosesan data ukuran.

PENAWANAN DATA

Aktiviti-aktiviti penawanan data melibatkan kerja-kerja seperti fotografi udara dan penyediaan cetak lekup, penyediaan dataset penyudahan padang dan penyediaan peta ortofoto. Selain daripada itu, aktiviti penawanan data juga melibatkan kerja-kerja penyediaan data ortorektifikasi imej satelit dan penyediaan data untuk kegunaan dan keperluan pihak Angkatan Tentera Malaysia, pengguna awam, jabatan-jabatan lain serta agensi swasta.

Pencapaian aktiviti penawanan data bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:


BIL.	AKTIVITI	SKT 2015 (LEMBAR)	PENCAPAIAN (LEMBAR) (%)
1	Perolehan Data Bawaan Udara	403	409 (101%)
2	Penyediaan Dataset Penyudahan Padang	35	43 (122%)
3	Penyediaan Peta Ortofoto	100	102 (102%)
4	Penyediaan Data DSM dan DTM	100	102 (102%)
5	Penyediaan Data Bagi Pihak Angkatan Tentera Malaysia, Pengguna Awam dan Lain-lain Jabatan / Agensi	500	681 (136%)
6	Penyediaan Peta Pulau-Pulau	5 coverage	7 coverage (140%)

Pada tahun 2015, sebanyak tujuh coverage bagi tujuan pemetaan pulau-pulau telah berjaya disiapkan. Jadual menunjukkan senarai nama pulau-pulau:

BIL.	NAMA PULAU	NEGERI	COVERAGE
1	Pulau Talang Kechil	Johor	1
2	Pulau Talang Besar		
3	Pulau Lakei	Johor	2
4	Pulau Salak	Johor	3
5	Pulau Kalasah		
6	Pulau Sampadi	Sabah	4
7	Pulau Patok	Sabah	5
8	Pulau Jangau		
9	Pulau Satang Besar	Johor	6
10	Pulau Satang Kecil		
11	Pulau Tukong Ara		
12	Pulau Tukong Banun		
13	Pulau Talang-talang Besar	Johor	7
14	Pulau Talang-talang Kechil		



Contoh Peta Ortofoto




Contoh DTM

PANGKALAN DATA

Seiring dengan keperluan pemetaan dan Sistem Maklumat Geografi, JUPEM telah mewujudkan dua jenis pangkalan data iaitu pangkalan data topografi dan pangkalan data kartografi. Pangkalan data topografi adalah berskala 1:5 000, 1:10 000 dan 1:25 000 dan dihasilkan melalui kaedah fotogrametri dan kerja ukur di lapangan. Pangkalan data topografi akan digunakan semula dalam proses ulangan peta atau *map revision* dan merupakan sumber data digital terkini yang boleh diperolehi di JUPEM. Manakala pangkalan data kartografi pula dijana daripada pangkalan data topografi dan diterbitkan sebagai peta bercetak pada skala 1:10 000 dan 1:50 000.

Dalam proses penghasilan pangkalan data topografi dan kartografi, suntingan perlu dijalankan ke atas dataset topografi dengan menggunakan perisian *Gothic Lambs2* sebelum dibuat proses validasi dan *seamless* dengan perisian *Radius Studio*. Seterusnya dataset berskala 1:25 000 akan melalui proses generalisasi kepada skala 1:50 000 dengan menggunakan perisian *Radius Clarity*. Seterusnya hasil proses generalisasi iaitu dataset kartografi akan disusun dalam bentuk peta dan bersedia untuk penyediaan prof cetak.



Data Topografi yang dihasilkan adalah mengikut Malaysian Standard MS1759 – *Feature and Attribute Codes* yang mana JUPEM adalah merupakan *custodian* bagi kategori *Built-Environment, Demarcation, Hypsography* dan *Utility* selain juga menjadi agensi tunjak bagi kategori *Aeronautical, Geology, Hydrography, Transportation, Vegetation* dan *General*.



Pencapaian aktiviti pembangunan pangkalan data bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015 (LEMBAR)	PENCAPAIAN (LEMBAR) (%)
1	Pengemaskinian Pangkalan Data Skala 1:50 000	80	80 (100%)
2	Pengemaskinian Pangkalan Data Skala 1:25 000	50	68 (136%)
3	Pengemaskinian Pangkalan Data Skala 1:5 000 & 1:10 000	100	100 (100%)
4	Pengemaskinian Pangkalan Data Skala 1:5 000 & 1:10 000 (Pengkontrakan)	140	140 (100%)
5	Penyediaan Pangkalan Data bagi <i>Joint Border Mapping (JBM)</i>	20	20 (100%)

PENGEMASKINIAN PETA TOPOGRAFI

Aktiviti ini dijalankan bertujuan mengemaskini maklumat topografi pada lembaran peta melalui kerja ukuran penyudahan padang. Kerja-kerja mengemaskini melibatkan pelbagai siri peta iaitu MY501T, MY701T, L808, MY511T dan MY711T.


Pencapaian aktiviti pengemaskinian peta topografi bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

AKTIVITI	SKT 2015 (LEMBAR)	PENCAPAIAN (LEMBAR) (%)
Pengemaskinian Peta Topografi	90	90 (100%)



KARTOGRAFI

Aktiviti kartografi melibatkan kerja-kerja seperti suntingan kartografi, penerbitan peta topografi, penyediaan pangkalan data tematik dan penerbitan peta tematik.



Pencapaian aktiviti kartografi bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015 (LEMBAR)	PENCAPAIAN (LEMBAR) (%)
1	Penyediaan Pruf Kelulusan Peta Topografi Pelbagai Siri	240	297 (124%)
2	Penyediaan Data Cetak Peta Topografi Pelbagai Siri	240	266 (111%)
3	Penyediaan Pruf Kelulusan Peta Tematik Pelbagai Siri	22	32 (145%)
4	Penyediaan Data Cetak Peta Tematik Pelbagai Siri	22	25 (114%)
5	Penerbitan Peta Elektronik	25	25 (100%)
6	Penerbitan <i>Webmap</i> dan <i>eMap</i>	3	3 (100%)


PERCETAKAN

Kerja-kerja percetakan di JUPEM melibatkan tiga aktiviti utama iaitu aktiviti pencetakan, pracetak dan pascacetak. Selain daripada menerbitkan peta-peta bercetak, aktiviti percetakan juga melibatkan kerja-kerja mereka bentuk, memproses dan mencetak pelbagai dokumen seperti Berita Ukur, Laporan Tahunan, Kompendium, watakah, dokumen keselamatan dan produk-produk bukan peta yang lain.



Peta-peta topografi yang telah dicetak sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	SIRI	JUMLAH LEMBAR	CATATAN
1	L7030/DNMM5101	72	Cetak Ulang
2	MY501T/MY501A/MY502A	45	
3	MY701T/MY701A	80	
4	MY511T/MY511A/MY512A (Sabah)	24	
5	MY711T/MY711A (Sabah)	12	
6	MY511T/MY511A/MY512A (Sarawak)	65	
7	MY711T/MY711A (Sarawak)	8	
	JUMLAH	306	



Peta Topografi bagi Kg Semop (Sarawak)


Perincian peta-peta topografi yang dicetak adalah seperti berikut:

NO. SIRI	NEGERI	NAMA LEMBAR
MY502A	Perak	Pulau Sembilang, Yong Peng, Kuala Kangsar, Pantai Remis, Lenggong, Tapah
	Pahang	Kg. Gelinggang, Maran, Kg. Paluh Inai, Bandar Chini Timur, Bandar Pusat Jengka, Kg. Runchang, Felda Sg. Tekam, Kg. Padang Rumbia, Kuantan, Sg. Lembing, Kg. Tekek, Kg. Sri Jaya, Kg. Mengkebang, Gambang, Chenor, Ketari, Kuala Pahang, Bentong
	Kedah	Malau, Padang Mat Sirat, Kg. Teluk Bujor, Padang Besar
	Johor	Kg. Kudong, Kluang, Segamat, Tangkak, Bukit Kepong, Pasir Gudang, Mawai, Parit Jawa
	Kelantan	Tanah Merah, Manik Urai, Kuala Krai
MY512A	Sarawak	Sg. Serani, Bla-Num, Bukit Entimau, Long Lamai, Batang Baleh, Roban, Long Seridan, Lingga, Long Banga, Long Sukan, Kg. Biawak, Long Sinyut, Kg. Nyelitak, Kg. Lio Moto, Sg. Malarang, Sg. Akah, Bukit Jemang, Bukit Puai, Sg. Nakat, Lubuk Ipoh, Kg. Ramudu, Bukit Melatai, Long Moh, Long Sobing, Uma Bawang, Rumah Lusong Laku, Batu Talang, Sri Aman, Long Lelang, Kg. Hulu Nyalau, Nanga Trusa, Long Anap, Sarikei, Song, Kg. Long Pran, Kg. Long Daloh, Gunung Buda, Ba' kelalan, Kapit, Lubok Antu, Agek, Julau
	Sabah	Kg. Tatabuan, Kg. Gana, Kg. Tidung Dua, Kg. Tetagas, Pekan Baru Matuggong, Long Pasia, Kg. Rahmat, Kg. Pandiwan, Kg. Tiga Papan, Kg. Inarad, Kg. Suangsuka, Gunung Luis, Kg. Long Lohan, Tenom, Pulau Adal, Bandar Kembara Sakti, Long Teru, Kg. Sg. Imam, Fajar Harapan, Kg. Bolong, Sg. Sansiang, Kg. Selakan, Semporna
MY701A	Pulau Pinang	Pekan Darat
	Terengganu	Kuala Terengganu
	Selangor	Kg. Orang Asli Bukit Damar, Desa Putra Tengah, Shah Alam & Subang Jaya, Bandar Armada Putra, Pelabuhan Klang Utara, Kg. Baru Jenderam Hilir, Bandar Puteri, Town Villa 1, Tmn. Setia, Kg. Perepat, Puncak Alam, Sunway Kayangan, Kg. Sg. Pinang, Tmn. Air Hitam Permai, Pekan Meru
	Pahang	Langgar
MY701T	Pulau Pinang	Pekan Darat
	Terengganu	Kg. Paya, Kuala Terengganu
	Kedah	Kg. Gelok Air, Sala, Langgar
	Pahang	Ketari
	Selangor	Tmn. Air Hitam Permai, Sunway Kayangan, Subang Jaya & Shah Alam, Kg. Sungai Pinang, Town Villa 1, Kg. Perepat, Tmn. Setia, Bandar Puteri, Kg. Baru Jenderam Hilir, Pelabuhan Kelang Utara, Bandar Armada Putra, Kg. Sama Gagah, Kg. Dato Ahmad Razali, Kg. Orang Asli Bukit Damar, Desa Putra Tengah
MY711A	Sabah	Kg. Tinagalan, Kg. Tinagalan Laut, Kg. Patau-Patau Satu, Kg. Pinausok, Kg. Bantayan, Kg. Semporna, Kg. Jimpangan
	Sarawak	Kg. Jepak, Tmn. Metro, Sing Booh Garden, Kg. Jepak, Tmn. Wawasan

NO. SIRI	NEGERI	NAMA LEMBAR
MY711T	Sabah	Kg. Tinagalan Laut, Kg. Patau-Patau Satu, Kg. Bantayan, Semporna, Kg. Pinausok, Kg. Jimpangan
	Sarawak	Sing Boon Garden, Tmn. Metro, Tmn. Wawasan
	Kelantan	Kg. Batu Melintang, Gua Musang, Manik Urai, Dabong, Pos Betau, Tanah Merah, Pasir Puteh
	Terengganu	P. Perhentian Besar, P. Redang
	Kedah	Pokok Sena, Sik, Balik, Yan Besar, Kuala Perlis, Kuala Muda
	Perak	Lawin, Gunung Simalayang, Parit, Lenggong, Kuala Kangsar, Teluk Intan, Lumut, Pasir Gajah, Bkt. Mudin Besar, Gunung Besar, Pantai Remis, Tapah, Sitiawan, Parit Buntar, Kuala Sepetang
	Pahang	Nenasi, Kg. Teriang Besar, Pasir Akar, Tasik Bera, Maran Sungai, Jerantut, Bukit Cintawangsa, Bandar Pusat Jengka, Padang Tengku, Cegar Perah, Kg. Bantal, Pekan, Merapuh, P. Tioman, Kuala Rompin, Temerloh, Sg. Tekam, Chenor, Lancang, Sg. Tekai
	Selangor	Tg. Karang, Pasir Panjang, Bagan Nakhoda Omar, Banting
	Negeri Sembilan	Gemenceh, Port Dickson
	Johor	Kota Tinggi, Simpang Renggam, Batu Pahat, Yong Peng, Kg. Kahang Baru, Kluang, Pulau Tinggi, Mersing, Padang Endau, Sekudai, Kg. Penderas, Kg. Buluh, Muar, Bakri
	Perlis	Padang Besar
Melaka	Jasin	

Peta-peta tematik yang telah dicetak sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PETA	JUMLAH
1	Peta Politik/Negeri/Fizikal	4
2	Peta Daerah	12
3	Pelbagai Peta Tematik	23
	JUMLAH	39



Peta Daerah Hulu Terengganu

Perincian peta-peta tematik yang telah dicetak sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

NO. SIRI	JENIS PETA	NAMA LEMBAR
MY90004R	JKR	Peta Jalan Raya Negeri Perlis, Selangor, Semenanjung Malaysia
MY90005R	Negeri	Peta Politik Negeri Terengganu, Putrajaya dan W.P. Labuan
MY91001R	Daerah	Putatan (Sabah), Kota Belud (Sabah), Selangau (Sarawak), Tatau (Sarawak), Saratok (Sarawak), Serian (Sarawak), Lawas (Sarawak), Mukah (Sarawak), Hulu Terengganu (Terengganu), Bintulu (Sarawak), Pasir Mas (Kelantan) dan Marudi (Sarawak)
TPC	L11-D (1)	Tactical Pilotage Chart
-	JMG	Peta Geologi Sabah, Peta Geologi Yong Peng, Peta Sumber Mineral Sabah dan Peta Sumber Mineral Sarawak
-	SPR	Peta Pilihan Raya Negeri Sarawak
-	JBM	Lembar-Lembar No : 42, 43, 4, 12, 41, 7, 2, 11, 13, 5, 3, 8, 10, 6, 9

Pencapaian aktiviti percetakan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	Cetak Peta Topografi	240	306 (127%)
2	Cetak Peta Tematik	22	39 (177%)
3	Cetak Bukan Peta	160	193 (121%)

Aktiviti pracetak melibatkan kerja-kerja reka bentuk dan susun atur sebagai persediaan bahan cetak serta penyediaan prof dan plat cetak.

Pencapaian aktiviti pracetak bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	<i>Desktop Publishing (DTP)</i>	160	193 (121%)
2	Prof	160	193 (121%)
3	Plat Cetak	1800	1842 (102%)

Aktiviti pascacetak melibatkan kerja-kerja penjilidan buku selepas proses pencetakan dijalankan.


Pencapaian aktiviti pascacetak bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
Penjilidan (Buku)	70,000 (unit)	158,368 (226%)

PEMETAAN UTILITI

Pemetaan utiliti melibatkan proses memperolehi dan mengenalpasti jenis pemasangan dan perkhidmatan utiliti kemudahan awam yang tertanam di bawah tanah dan menyediakan maklumat dan kedudukan utiliti dalam bentuk digital atau salinan cetak. Maklumat kedudukan pemasangan utiliti yang lengkap dan tepat diperlukan bagi membantu mengurangkan dan mengelakkan berlakunya masalah gangguan perkhidmatan yang diakibatkan oleh kerosakan pemasangan utiliti semasa pelaksanaan kerja-kerja pengorekan. Kekerapan berlakunya kerosakan ini juga menyebabkan kualiti hidup penduduk terjejas dan memberi impak negatif kepada ekonomi negara.





Peta Utiliti Bagi Kawasan Cyberjaya

Pencapaian aktiviti pemetaan utiliti bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	Perolehan data utiliti daripada pemilik utiliti (pengemaskinian)	Mengemukakan permohonan, memperoleh dan mengumpulkan maklumat utiliti bagi kawasan: <ol style="list-style-type: none"> Lembah Klang Kota Bharu Kuantan Kuala Terengganu 	(100%)
2	Pengisian data utiliti dan data peta asas ke dalam Pangkalan Data Utiliti Kebangsaan (PADU)	Menjalankan semakan, memproses dan memuatkan sepenuhnya semua data utiliti kawasan: <ol style="list-style-type: none"> Lembah Klang Kota Bharu Kuantan Kuala Terengganu 	100 % Pembekal data utiliti adalah daripada Maajari Services Sdn. Bhd., Syabas Sdn. Bhd., Gas Malaysia Berhad, Indah Water Konsortium, Telekom Malaysia, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd dan Paip Berhad

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
3	Penyediaan Peta Asas skala 1:500	550 lembar bagi kerja-kerja pendigitalan mono dan suntingan butiran topografi daripada ortofoto. Kawasan yang disasarkan meliputi: i. Sepang ii. Petaling Jaya	550 lembar (100%) i. Sepang – 125 lembar ii. Petaling Jaya – 425 lembara.
4	Pengesanan dan pengukuran bagi tujuan pengesanan data utiliti bawah tanah di lapangan	112 km (kawasan Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Kajang)	112.2 km (100%) i. Shah Alam – 19.2 km ii. Petaling Jaya – 3.1 km iii. Subang Jaya – 40.9 km iv. Kajang – 46 km v. Sarawak – 3 km
5	Suntingan kartografi bagi penyediaan peta utiliti	60 lembar	64 lembar (107%) i. Putrajaya – 50 lembar ii. Cyberjaya – 14 lembar

Pencapaian aktiviti penyediaan peta asas skala 1:500 bagi tempoh lima tahun terakhir:

TAHUN	SKT	PENCAPAIAN LEMBAR						JUMLAH
		PUTRAJAYA	CYBERJAYA	KUALA SELANGOR	SHAH ALAM	SEPANG	PETALING JAYA	
2011	550	0	0	55	495	0	0	550
2012	550	25	0	0	193	0	332	550
2013	550	375	0	0	0	100	75	550
2014	550	48	0	0	0	502	0	550
2015	550					125	425	550
JUMLAH		448	0	55	688	727	832	2750

Pencapaian aktiviti penerbitan peta utiliti bagi tempoh lima tahun terakhir adalah seperti berikut:

TAHUN	SKT (LEMBAR)	PENCAPAIAN (LEMBAR)	KAWASAN
2011	37	37	Putrajaya & Cyberjaya
2012	37	39	Putrajaya & Cyberjaya
2013	46	50	Putrajaya & Cyberjaya
2014	50	53	Putrajaya, Shah Alam & Cyberjaya
2015	60	64	Putrajaya & Cyberjaya
	JUMLAH	243	

PERKHIDMATAN PEMETAAN

Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Seksyen Dasar Pemetaan, Seksyen Penyelarasan dan Perpustakaan Peta Negara. Seksyen Dasar Pemetaan berperanan bagi menyelaras dasar dan program berkaitan pemetaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN). Selain daripada itu, Seksyen ini bertindak bagi mengatur program-program Bahagian Pemetaan, menyelaras penerbitan Buletin GIS, menggubal perundangan dan pekeliling berkaitan Pemetaan dan penyediaan ISO Pemetaan serta kertas kabinet.

Seksyen Penyelarasan Pemetaan pula berperanan sebagai urus setia bagi mesyuarat dan aktiviti Bahagian-bahagian Pemetaan dan merancang serta memantau bajet mengurus dan pembangunan Bahagian-bahagian Pemetaan. Seksyen ini juga memantau pencapaian KPI dan SKT bagi aktiviti-aktiviti pemetaan, pengurusan aset, latihan dan kursus serta pengeluaran Arahan Pemetaan.



Perpustakaan Peta Negara pula berperanan menyediakan sumber atau bahan rujukan dalam bidang ukur dan pemetaan, khususnya kepada warga JUPEM dan orang awam amnya. Perpustakaan Peta Negara menyediakan pelbagai koleksi buku, jurnal teknikal dan bahan-bahan terbitan lain yang berkaitan dengan ukur dan pemetaan.


Pencapaian aktiviti perkhidmatan pemetaan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	SKT 2015	PENCAPAIAN
1	Semakan Pruf Peta Topografi dan Tematik (lembar)	360	370 (103%)
2	Penerbitan Buletin GIS dan Maklumat JPDSN (edisi)	4	4 (100%)
3	Urus Setia Mesyuarat (kali)	16	26 (163%)
4	Dokumentasi Koleksi Perpustakaan (jilid)	2000	2000 (100%)
5	Pengedaran Bahan-Bahan Terbitan JUPEM (naskhah)	3300	3300 (100%)
6	Perkhidmatan Perpustakaan (Perolehan Peta, Buku dll.) (naskhah)		
	i. Perolehan Pembangunan Koleksi Perpustakaan (buku/majalah/bahan pemetaan) ii. Dokumentasi Bahan Koleksi Perpustakaan di dalam sistem Perpustakaan (ILMU) (buku/terbitan bersiri/peta topografi/bahan AV/bahan foto)	666 1300	710 (106%) 1704 (131%)

UKURAN KADASTER

Kejayaan JUPEM membangun dan melaksanakan sistem eKadaster telah memberi kesan yang baik terhadap pencapaian prestasi keseluruhan di Bahagian Kadaster dan JUPEM Negeri. Sistem berkenaan juga telah berjaya memendekkan proses pengukuran dan penyediaan pelan Hakmilik tanah sekali gus dapat menghasilkan impak yang besar kepada pembangunan negara yang pesat berkembang.

Penggunaan teknologi jalur lebar tanpa wayar, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), Sistem Maklumat Geografi (GIS), sistem navigasi satelit global dan sistem ukur terkini adalah ciri-ciri yang terdapat dalam sistem eKadaster. Ia juga bagi mewujudkan *National Digital Cadastral Database* (NDCDB) melalui pembangunan infrastruktur kawalan ukur kadaster (CCI) supaya NDCDB yang berasaskan *Survey Accurate Coordinate* dapat menggantikan Pangkalan Data Ukur Kadaster Negeri (PDUK) yang tidak homogenus. Di samping itu, Bahagian Kadaster turut menyediakan Jaringan Stesen Kawalan Ukur (CRM) di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk memperkasakan NDCDB. Manakala kerja-kerja ukuran Hakmilik strata yang selama ini dibuat kaedah manual kini diproses secara digital dan disimpan ke dalam Pangkalan Data Ukur Strata/Stratum/Marin (PDUSSM).



Contoh Pelan Akui (PA) bagi Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

UKURAN HAK MILIK TANAH


Kemajuan yang dicapai bagi aktiviti Ukuran Hakmilik Tanah bagi tahun 2015 adalah berjumlah 51,307 lot atau 98% daripada sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 52,500 lot. Perincian ke atas pencapaian dan beban kerja mengikut JUPEM Negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	SKT 2015 (LOT)	PRESTASI		BEBAN KERJA (LOT)
			(LOT)	%	
1	Johor	8,000	8,010	100	5,400
2	Kedah	5,500	5,532	101	1,951
3	Kelantan	6,500	6,667	103	4,109
4	Melaka	1,600	1,618	101	1,828
5	Negeri Sembilan	2,500	2,294	92	217
6	Pahang	6,100	6,214	102	1,337
7	Perak	7,200	7,440	103	2,904
8	Perlis	1,800	1,854	103	478
9	Pulau Pinang	500	287	57	421
10	Selangor	5,500	4,206	76	4,882
11	Terengganu	6,800	6,969	102	2,953
